

قیته نیتیق

PETIKAN TITAH

"DALAM situasi sekarang, beta turut memahami bahawa banyak peniaga, termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) atau mereka yang berniaga sendiri telah turut terkesan oleh COVID-19".

- Titah Perutusan Khas Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi.



# Pelita BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

## Hujung Minggu

Waktu Sembahyang

IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
4.44	4.54	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27	7.37

TAHUN 65 / BILANGAN 47

18 APRIL 2020 / 1441 شعبان 24

JABATAN PENERANGAN

Daerah Belait ditambah 3 Minit dan Daerah Tutong ditambah 1 Minit

EDISI SABTU / PERCUMA

"YA Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin".

- Titah Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

## STATISTIK TERKINI COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Maklumat setakat 17 APRIL 2020, 5:00 petang

JUMLAH KES JANGKITAN

136

JUMLAH KEMATIAN

1

JUMLAH KES YANG SEMBUH

112

## TALIAN NASIHAT KESIHATAN COVID-19

148



E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

## COVID-19 : Empat disahkan sembuh



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kiri) ketika hadir pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19, di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan.

Oleh : Marlinawaty Hussin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BERAKAS, Jumaat, 17 April. - Jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 136 orang selepas Kementerian Kesihatan mengumumkan bahawa tiada kes baharu jangkitan berkenaan disahkan di negara ini.

Sementara itu, seramai empat orang disahkan sembuh dari COVID-19, menjadikan jumlah keseluruhan yang

sembuh kepada 112 orang.

Menyatakan perkara itu pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19, di Dewan Al-Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Ke muka 3

## Perubahan waktu bekerja bulan Ramadan

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 16 April. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaullah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, maka dengan ini dimaklumkan bahawa waktu-waktu bekerja di kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan sepanjang bulan Ramadan bagi Tahun 1441 Hijrah bersamaan 2020 Masihi adalah dari Isnin

hingga Khamis dan Sabtu pada jam 8.00 pagi hingga 2.00 petang.

Menurut Siaran Akhbar Jabatan Perdana Menteri ini, bagi kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang bertugas pada Jumaat, waktu bertugas adalah pada jam 8.00 pagi hingga 11.30 pagi.

Sementara pekerja-pekerja yang bergaji hari pula, masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa, sementara penentuan mulakan kerja terserah pada budi bicara kementerian atau jabatan masing-masing.

مانیسش ایمان

## MANISNYA IMAN

"WAHAI orang-orang yang beriman! Sesungguhnya arak, judi, pemujaan berhala dan mengundi nasib dengan anak panah itu adalah (perbuatan) keji daripada perbuatan syaitan.

Maka hendaklah kamu menjauhinya supaya kamu beroleh kemenangan (dan keberuntungan)"

- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah al-Ma'idah : 90.

IKUTI KAMI DI



APLIKASI  
MUDAH ALIH  
**InfoDeptBN**

Jabatan Penerangan Jabatan Perdana Menteri Brunei Darussalam

infodept.bn infodept\_bn

## Berita Utama



COMMUNITY for Brunei dihasrat bantu PMKS  
Muka 4



HADAPI COVID-19 dengan segala usaha, langkah tanpa hilang punca  
Muka 7



PELAKSANAAN dua projek pelestarian tenaga di Daerah Temburong  
Muka 17



KAMPUNG Bang Nukat : Menghirup udara segar di Eco Ponies Garden  
Muka 22

Layari Laman Web : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

# Sumbangan amat dihargai, tunjuk sikap peduli, terpuji



TITAH Perutusan Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 pada Isnin, 19 Syaaban 1441 Hijrah / 13 April 2020 Masihi di Istana Nurul Iman.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi  
Wabarakatuh  
Bismillaahir Rahmaanir Raheem  
Alhamdulillah Rabbil 'Alameen  
Wabihnee Nasta'eenu 'Alaa  
Umuuridunya Wadden, Wassalaatu  
Wassalaamu 'Ala Asyaraafil  
Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin,  
Wa'alaa Aalihee Wasahbihee  
Ajma'een, Waba'du.

Rakyat beta yang dikasihi!

**D**ALAM perutusan khas beta baru-baru ini, beta telah menyebut beberapa usaha kerajaan beta dalam membendung penularan COVID-19.

Sehingga kini, negara masih saja terus menangani wabak COVID-19 sejak ianya disahkan wujud dan positif pada 9 Mac yang lalu. Namun alhamdulillah, kita dapat menghadapinya dengan penuh sabar dan bersepadu.

Walau begitu, dengan amat dukacita, seorang pesakit telah berpulang ke Rahmatullah, semoga rohnya ditempatkan bersama-sama dengan orang-orang yang beriman.

Untuk keperluan, kita telah pun membina Makmal Virologi Kebangsaan. Makmal ini banyak membantu, khasnya bagi Kementerian Kesihatan mempertingkatkan lagi keupayaan penganalisaan dan mampu untuk

mengeluarkan lebih cepat keputusan ujian.

Kerajaan beta juga telah membuat pelaburan dalam penggunaan Artificial Intelligence, supaya orang ramai dapat membantu Kementerian Kesihatan bagi melaksanakan penjagaan kesihatan secara sistematis.

Dalam situasi sekarang, beta turut memahami bahawa banyak peniaga, termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) atau mereka yang berniaga sendiri telah turut terkena oleh COVID-19. Kerana itu, kerajaan beta melalui Kementerian Kewangan dan Ekonomi dan dengan kerjasama institusi-institusi yang berkaitan, termasuk Autoriti Monetari Brunei Darussalam (AMBD) telah memperkenalkan beberapa Paket Stimulus Ekonomi untuk membantu mereka ini, supaya dapat meneruskan perniagaan masing-masing.

Bagi tujuan kebaikan juga, beta telah pun menitahkan Kementerian-kementerian yang berkenaan untuk bekerjasama dalam membangun Sistem Kebajikan Negara (SKN) yang akan dilancarkan dalam bulan Julai, insyaAllah. Beta sedia memahami, baik sebelum mahupun sesudah tularnya wabak COVID-19, terdapat ramai di kalangan masyarakat yang masih memerlukan bantuan dari pihak kerajaan. Maka insyaAllah, sistem ini nanti akan

memudahkan pemohon-pemohon untuk membuat permohonan kepada kerajaan.

Sebagai sebuah komuniti, orang-orang Brunei telah menunjukkan sikap pemedulian yang terpuji dengan menghulurkan sumbangan-sumbangan berupa apa saja untuk membantu Kementerian Kesihatan menangani wabak COVID-19. Dalam hubungan ini, bagi kemudahan orang ramai menyalurkan sumbangan-sumbangan mereka, maka beta telah memperkenankan bagi diwujudkan satu dana, yang diberi nama COVID-19 Relief Fund. Sumbangan-sumbangan akan digunakan untuk keperluan perubatan menangani wabak.

Beta dengan tulus ikhlas merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas sumbangan tenaga dan buah fikiran yang dihulurkan oleh semua pihak, termasuk orang-orang persendirian dalam membantu kerajaan beta menghadapi detik-detik yang mencabar ini. Terutama kepada para barisan hadapan, termasuk sukarelawan (*volunteers*) yang telah bekerja siang dan malam untuk membantu merawat para pesakit COVID-19 dan mereka yang menjalani kuarantin. Sumbangan mereka ini amat beta hargai.

Beta turut memahami, betapa beratnya bebanan para petugas barisan hadapan. Kalau orang lain berasa bosan duduk di rumah, tetapi mereka sering-sering melihat jam, bilakah boleh balik ke rumah. Di rumah, ada anak-anak sedang menunggu dan rindu.

Itu baru dari segi emosi, belum lagi risiko selaku petugas barisan hadapan. Mereka ini cuma dibekalkan dengan Personal Protective Equipment (PPE) dan Prosedur Arahan Standard (SOP) sebagai perisai, di mana selainnya, hanya doa saja yang mampu dirafakkhan.

Bagi menghargai jasa dan bakti mereka ini, beta melihat, mereka sangatlah wajar untuk disangkut dengan 'elaun khas' sebanyak BND400 (Empat ratus ringgit) sebulan, khusus kepada para doktor, jururawat, paramedik, pemandu, ambulans, sukarelawan, pembersih, penjaga keselamatan dan kesemua mereka yang bertugas dengan Kementerian Kesihatan, khususnya di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Pusat Pengasingan Kebangsaan Tutong dan di pusat-pusat kuarantin yang dikhaskan oleh kerajaan beta. Pemberian elauan khas ini akan berjalan bermula bulan Mac 2020 dan akan dilanjutkan sehingga berakhirnya wabak COVID-19 di negara ini.

Ke muka 8

## Dari Sidang Pengarang.

18 APRIL 2020 BERSAMAAN 1441 شعبان 24

### PERSEDIAAN MENJELANG RAMADAN

**K**ITA sudah pun berada pada penghujung bulan Syaaban. Bermakna persediaan menjelang Ramadan telah dan sedang dibuat. Persediaan tersebut termasuklah dari segi rohani dan jasmani.

Dari segi rohani, tumpuan diberikan dengan memperbanyak amal ibadah dan kebajikan antara lain seperti membaca Al-Quran dan mempertingkat ilmu berkaitan amalan-amalan pada bulan Ramadan.

Kebelakangan ini, terdapat trend baharu berupa inisiatif berkebajikan yang dilaksanakan oleh beberapa pihak dalam kalangan jemaah takmir masjid, iaitu melakukan aktiviti bermanfaat dan mendatangkan pahala dalam suasana penutupan masjid.

Perkara ini dilaksanakan oleh Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid dan jemaah Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah, Kampung Sungai Akar yang mengadakan sesi tasmik dan bertadarus Al-Quran secara dalam talian dan inisiatif ini amat baik untuk orang ramai ikut serta melakukannya dalam suasana mengisi masa terluang di rumah masing-masing, sambil mendapat ganjaran pahala dari Allah Subhanahu Wata'ala.

Dalam hal ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama mengalui-alukan inisiatif kalangan ilmuwan agama, seperti Ahli-ahli Rabithah Antarabangsa Alumni Al-Azhar Brunei Darussalam yang menyiaran ceramah agama ringkas melalui media sosial. Begitu juga inisiatif bagi meneruskan kegiatan pembelajaran Al-Quran dalam kalangan orang ramai seperti kelas-kelas Al-Quran secara dalam talian juga turut dialu-alukan.

Sementara dari segi persediaan jasmani pula, penjagaan kesihatan diberi perhatian dengan mengamalkan gaya hidup sihat. Selain menjaga pemakanan, tidak salah untuk melakukan senaman ringan beberapa minit setiap hari.

Dalam menghadapi penularan jangkitan wabak COVID-19, orang ramai disarankan untuk membuat kegiatan fizikal dan mengaktifkan diri sekurang-kurangnya 30 minit sehari bagi orang dewasa dan 60 minit sehari bagi kanak-kanak. Ini adalah untuk mengekalkan kesihatan tubuh badan dan seterusnya bagi mencegah daripada penyakit-penyakit yang tidak berjangkit yang boleh dikawal dengan membuat kegiatan fizikal.

Aktiviti fizikal tersebut bolehlah dibuat di dalam atau halaman rumah atau di taman-taman rekreasi secara persendirian dan bukannya secara berkumpulan serta sentiasa mengamalkan penjarakan fizikal di antara orang sekeliling.

Situasi wabak COVID-19 yang berlaku di negara dan dunia ketika ini tidaklah menghalang untuk kita membuat persediaan menjelang Ramadan dengan harapan semoga Ramadan pada tahun ini akan lebih bermakna buat kita semua. - Ketua Penyuntingan (Am).

RAMALAN CUACA 3 HARI		
SABTU	AHAD	ISNIN
BANDAR SERI BEGAWAN 32 °C 26 °C PEKAN BANGAR 32 °C 26 °C	31 °C 26 °C 31 °C 26 °C	31 °C 26 °C 31 °C 26 °C
PEKAN TUTONG 31 °C 26 °C	31 °C 26 °C	31 °C 26 °C
KUALA BELAIT 31 °C 26 °C	31 °C 25 °C	31 °C 25 °C

Wallahuslam Bissawab | Talian Cuaca | Brunei WX App | Google Play | App Store

WAKTU SEMBAHYANG									
firman Allah Ta'ala dalam Surah Al-Ankabut, ayat 45, bermaksud: "...dan dirikanlah sembahyang sesungguhnya sembahyang itu mencegah daripada fasy' dan mungkar."									
Masihi APRIL	HARI	Hijrah SYAABAN	IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB ISYAK
18	SABTU	24	4.44	4.54	6.12	6.35	12.21	3.32	6.27 7.37
19	AHAD	25	4.43	4.53	6.12	6.35	12.20	3.32	6.27 7.37
20	ISNIN	26	4.43	4.53	6.12	6.34	12.20	3.32	6.27 7.37
21	SELASA	27	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.27 7.37
22	RABU	28	4.42	4.52	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26 7.37
23	KHAMIS	29	4.41	4.51	6.11	6.34	12.20	3.33	6.26 7.37
24	JUMAAT	1 RAMADAN	4.41	4.51	6.10	6.33	12.19	3.34	6.26 7.37

Daerah Brunei Muara & Temburong. Peringatan: Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

TALIAN KECEMASAN

AMBULANS 991 | POLIS 993 | BOMBA 995 | PENYELAMAT 998

(Talian Darussalam) JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK  
JABATAN PENGANGKUTAN DARAT.  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DAN e-darussalam  
NDMC 123 | 2380214

# COVID-19 : Empat disahkan sembuh

Oleh : Marlinawaty Hussin  
 Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 yang berlangsung di Kementerian Kesihatan.**

## Dari muka 1

Menurut Yang Berhormat, dua daripada 11 kes yang sembuh tetapi dimasukkan semula ke Pusat Pengasingan Kebangsaan setelah didapati positif semasa pemeriksaan susulan, didapati negatif setelah menjalani tiga kali ujian.

"Mereka akan menjalani pengasingan diri selama 14 hari lagi, sebagaimana SOP (Prosedur Operasi Standard) yang ada pada masa sekarang. Ini bermakna hanya tujuh kes sahaja lagi yang masih menjalani pemeriksaan dan

ujian lanjut," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat memberitahu, jumlah kes aktif yang masih dirawat di pusat tersebut pada ketika ini ialah seramai 23 kes.

"Dua daripadanya masih dalam keadaan kritis dan memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan. Selebihnya adalah dalam keadaan yang baik," ujar Yang Berhormat.

Pada hari ini juga Yang Berhormat menambah, seramai 76 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala jumlah keseluruhan mereka yang menjalani tempoh kuarantin ialah sebanyak 2,407 orang.

"Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 263 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan

ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 11,089 ujian," kata Yang Berhormat.

Bagi menjawab soalan yang diutarakan pihak media, Yang Berhormat menjelaskan bahawa, kerajaan masih tidak membenarkan mana-mana warga asing untuk memasuki negara ini, kecuali mereka yang dibenarkan.

"Misalannya, mereka yang mempunyai suami atau isteri warganegara asing atau para pekerja asing (*expatriate*) yang diperlukan, sama ada berkhidmat dengan kerajaan atau bukan kerajaan," kata Yang Berhormat.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai bolehlah melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](http://healthinfo.gov.bn).

**"DUA daripada 11 kes yang sembuh tetapi dimasukkan semula ke Pusat Pengasingan Kebangsaan setelah didapati positif semasa pemeriksaan susulan, didapati negatif setelah menjalani tiga kali ujian. Mereka akan menjalani pengasingan diri selama 14 hari lagi, sebagaimana SOP (Prosedur Operasi Standard) yang ada pada masa sekarang. Ini bermakna hanya tujuh kes sahaja lagi yang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut".**



# MAKLUMAT PENTING COVID-19

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## Perubahan waktu operasi perkhidmatan ujian swab

Kementerian Kesihatan memaklumkan mengenai perubahan waktu operasi bagi perkhidmatan ujian *swab* di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha mulai 14 April, iaitu mulai 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam sahaja setiap hari, termasuk Jumaat, Ahad dan hari-hari kelepasan awam.

## Warga asing yang tiba di NBD tanggung sendiri kos-kos ujian makmal, perbelanjaan pengasingan diri

Dengan arahan Kementerian Kesihatan yang wajib dipatuhi bagi semua orang yang tiba di Negara Brunei Darussalam, Kementerian Kesihatan dengan ini ingin memaklumkan bahawa bermula 16 April 2020, semua pelawat asing yang tiba di Negara Brunei Darussalam juga dikehendaki untuk menanggung sendiri kos ujian makmal COVID-19, iaitu sebanyak BND1,000.00 bagi setiap seorang, di samping menanggung kos perbelanjaan bagi pengasingan diri selama tempoh 14 hari penuh, seperti yang dimaklumkan sebelum ini.

## Perubahan waktu operasi Talian Nasihat Kesihatan 148

Kementerian Kesihatan memaklumkan mengenai perubahan waktu operasi bagi perkhidmatan Talian Nasihat Kesihatan 148 mulai 16 April, iaitu mulai 7.00 pagi hingga 11.00 malam sahaja setiap hari.

## Dua projek di bawah Community for Brunei dilancarkan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam berkata, Community for Brunei akan melancarkan dua projek.

Pertama ialah Projek Community for COVID yang dilancarkan 17 April ini, di mana platform tersebut akan memaklumkan kepada orang awam keperluan *frontliners* yang dikenal pasti, seperti makanan dan minuman dan keperluan-keperluan lain.

Projek kedua di bawah Community for Brunei, Projek Community for Ramadan, akan dilancarkan pada 1 Ramadan 1441 Hijrah dan akan memberikan peluang kepada orang awam untuk masih dapat rasakan suasana gerai Ramadan secara *online* walaupun gerai Ramadan ditiadakan pada tahun ini.

## Community for Brunei bantu PMKS

Community for Brunei adalah untuk menyediakan platform yang akan dapat mengumpulkan dan menyatukan komuniti Brunei bagi membantu PMKS untuk menjual barang mereka di dalam *virtual market* dan orang awam untuk membuat pembelian secara *virtual* juga membuat pembayaran secara digital dengan menggunakan kad debit atau kad kredit.

Community for Brunei melalui laman sesawang [www.CommunityforBrunei.com](http://www.CommunityforBrunei.com) disokong oleh BIBD adalah diinspirasikan dan diurus oleh anak-anak tempatan, iaitu The Collective, Think Axis, Alicia Newn dan beberapa pihak lain yang mempunyai objektif yang sama, khususnya untuk membantu PMKS.

## BND4 juta bagi tangani wabak COVID-19

Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menjelaskan sebanyak BND6,200,909.15 dikumpulkan menerusi COVID-19 Relief Fund setakat jam 5.30 petang ini, di mana sebanyak BND4,000,000 diserahkan kepada Kementerian Kesihatan dalam membantu menangani jangkitan wabak COVID-19.

# COVID-19 : Jumlah keseluruhan kekal 136 kes



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD.**

**BERAKAS**, Khamis, 16 April. - Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa tidak ada kes baru yang disahkan dijangkiti COVID-19 di Negara Brunei Darussalam (NBD), di mana jumlah keseluruhannya kekal sebanyak 136 kes.

Sementara itu, kes sembuh daripada COVID-19 juga dilaporkan tidak ada, menjadikan jumlah keseluruhan yang sembuh kekal 108 orang.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, seterusnya berkata terdapat 27 kes aktif masih

dirawat, di mana dua daripadanya masih dalam keadaan kritis dan memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (Extra Corporeal Membrane Oxygenation - ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan, manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

"Pada hari ini juga, seramai 76 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin ialah sebanyak 2,407 orang.

"Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 247 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 10,826 ujian," jelas Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa seorang lagi daripada 11 kes yang sembuh, tetapi dimasukkan semula ke Pusat Pengasingan Kebangsaan setelah didapati positif semasa pemeriksaan susulan dibenarkan pulang pada hari ini.

Beliau juga akan menjalani pengasingan diri selama 14 hari lagi, sebagaimana SOP yang ada pada masa sekarang, yang bermakna hanya sembilan kes saja lagi yang masih menjalani pemeriksaan dan ujian lanjut, ujar Yang Berhormat.

Berkaitan dengan arahan Kementerian Kesihatan yang wajib dipatuhi bagi semua orang yang tiba di NBD, Yang Berhormat seterusnya menerangkan bahawa bermula 16 April ini, kesemua pelawat asing yang tiba di NBD adalah dikehendaki untuk

menanggung sendiri kos ujian makmal COVID-19, iaitu sebanyak BND1,000 bagi setiap seorang, di samping menanggung kos perbelanjaan bagi pengasingan diri selama tempoh 14 hari penuh.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai

bolehlah melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi terus Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](https://healthinfo.gov.bn).

Oleh : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

## Community for Brunei dihasrat bantu PMKS

**BERAKAS**, Khamis, 16 April. - Sebagai salah satu langkah daripada Kementerian Kewangan dan Ekonomi dalam memastikan industri-industri di Negara Brunei Darussalam (NBD) terus berdaya tahan seperti industri Food and Beverage (F&B), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan kerjasama padu daripada Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Darussalam Enterprise (DARe) juga pihak Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) akan memperkenalkan satu inisiatif untuk membantu Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) yang terkesan dengan menyediakan satu platform *virtual market*, iaitu Community for Brunei.

Objektif Community for Brunei adalah untuk menyediakan platform yang akan dapat mengumpulkan dan menyatukan komuniti Brunei bagi membantu PMKS untuk menjual barang mereka di dalam *virtual market* dan orang awam untuk membuat pembelian secara *virtual* juga membuat pembayaran secara digital dengan menggunakan kad debit atau kad kredit.

Community for Brunei melalui laman sesawang [www.CommunityforBrunei.com](http://www.CommunityforBrunei.com) yang disokong oleh BIBD adalah juga diinspirasikan dan diurus oleh anak-anak tempatan, iaitu The Collective, Think Axis, Alicia Newn dan beberapa pihak lain yang mempunyai objektif yang sama, khususnya untuk membantu PMKS.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD berkata, Community for Brunei akan melancarkan dua projek.

Pertama ialah Projek Community for COVID yang akan dilancarkan 17 April ini, di mana platform tersebut akan memaklumkan kepada orang awam keperluan *frontliners* yang dikenal pasti, seperti makanan dan minuman dan keperluan-keperluan lain.

"Keperluan - keperluan berkenaan akan dikongsikan

menerusi Laman Sesawang Community for Brunei tadi bagi orang awam memilih keperluan yang ingin disumbangkan dan dihantar kepada *frontliners* di keempat-empat pusat kesihatan bagi COVID-19 dan mengikut masa yang dipersetujui.

Platform ini diharapkan akan dapat memberikan kemudahan untuk mengenal pasti *demand and supply* dan pada masa yang sama, dapat mengelakkan pembaziran, selain dari *vendors*, terdiri daripada perusahaan kecil, pengusaha, seperti *runners* dan syarikat penghantaran (sebagai contoh GoMamam dan Dart) akan dapat mengembangkan perusahaan mereka ketika berhadapan dengan waktu yang mencabar ini.

Inisiatif ini akan memudahkan juga menyelaras dengan lebih berkesan lagi hasrat orang Brunei yang ingin saling membantu sesama masyarakat kitani, khususnya keperluan *frontliners*," jelas Yang Berhormat lagi.

Manakala, projek kedua di bawah Community for Brunei ialah Projek Community for Ramadan yang akan dilancarkan pada 1 Ramadan 1441 Hijrah yang akan memberikan peluang kepada orang awam untuk masih dapat rasakan suasana gerai Ramadan secara *online* walaupun gerai Ramadan ditiadakan pada tahun ini, jelas Yang Berhormat lagi.

Terang Yang Berhormat lagi, tarikh pendaftaran bagi PMKS adalah pada 20 April, di mana beberapa garis pandu akan diterangkan dengan lebih lanjut oleh pihak BIBD pada 17 April ini melalui media massa.

"Adalah dihasratkan semoga PMKS akan dapat mengambil manfaat daripada *virtual market* ini dengan penyediaan kemudahan kepada orang ramai untuk memilih dan membeli juadah makan minum bagi berbuka puasa dan dihantar ke rumah / tempat masing-masing.

"Pada masa yang sama, penyediaan *virtual market* ini juga adalah selari dan mematuhi segala peraturan dan nasihat Kementerian Kesihatan yang menyarankan penjarakan fizikal dan sosial," ujar Yang Berhormat.



**YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19.**

Pemohon-pemohon yang berhasrat untuk menjadi *vendor* di dalam *virtual market place*, jelas Yang Berhormat hendaklah terlebih dahulu membuat permohonan secara dalam talian (*online*) di Bahagian Pendaftaran Syarikat-Syarikat dan Nama-Nama Perniagaan (ROCBN), Kementerian Kewangan dan Ekonomi dengan mengisikan butir-butir maklumat-maklumat yang diperlukan dan memilih Aktiviti Perniagaan 56 bagi Aktiviti Perkhidmatan Makanan dan Minuman (Food & Beverages Services Activities).

Yang Berhormat seterusnya menerangkan bagi permohonan pendaftaran perniagaan 300 yang terawal sehingga 30 April ini, yuran pendaftaran akan dikecualikan dan bagi tatacara pendaftaran perniagaan, orang ramai bolehlah merujuk ke Bahagian ROCBN menerusi talian +673 2380505 / +673 2383444 atau melalui e-mel [info.rocbn@mofe.gov.bn](mailto:info.rocbn@mofe.gov.bn).

Semasa sesi soal jawab, Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, sebanyak BND6,200,909.15 jumlah dikumpulkan menerusi COVID-19 Relief Fund setakat jam 5.30 petang ini, di mana sebanyak BND4,000,000 diserahkan kepada Kementerian Kesihatan dalam membantu menangani wabak COVID-19.

**KEMENTERIAN KESIHATAN**  
MINISTRY OF HEALTH

**SHENA**  
Safety, Health and Environment National Authority

## PERSEDIAAN DI TEMPAT KERJA

### PELAN TINDAKAN

Buat pelan tindakan sebagai persediaan berhadapan kemungkinan jangkitan COVID-19 di tempat kerja:

1. ASINGKAN PEKERJA YANG SAKIT DI TEMPAT YANG DIKUSUSKAN: Asingkan, Hadkan perhubungan dan Hubungi 148
2. KENAL PASTI PEKERJA YANG BERISIKO TINGGI DIJANGKITI WABAK, DAN BANTU MEREKA
3. SENTIASA MENYIMPAN SENARAI NAMA PEKERJA-PEKERJA YANG DISYAKTI DIJANGKITI COVID-19

### BEKERJA SECARA DALAM TALIAN

GALAKKAN BEKERJA SECARA DALAM TALIAN DI TEMPAT KERJA. BEKERJA SECARA DALAM TALIAN membantu PERKHIDMATAN berjalan lancar selain memastikan pekerja-pekerja sentiasa dilindungi daripada terdedah kepada jangkitan

### PELAN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN

Gubal PELEN KONTIGENSI DAN PELEN KESINAMBUNGAN PERKHIDMATAN bagi penularan wabak melibatkan komuniti kerja di tempat-tempat OPERASI PERKHIDMATAN anda

## BERTINDAK SECARA BERTANGGUNGJAWAB TETAP TENANG DAN SELAMAT

# Tiada kes baharu, 27 masih dirawat

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 April. - Daripada 136 jumlah keseluruhan kes COVID-19 yang direkodkan di negara ini sejak pengesanan pertama pada 9 Mac lalu, hingga hari ini seramai 108 orang daripadanya sembuh.

Negara Brunei Darussalam juga mencatatkan tiada kes baharu jangkitan wabak COVID-19 disahkan hari ini, manakala satu kes disahkan sembuh dan dibenarkan untuk pulang ke rumah dari Pusat Pengasingan Kebangsaan.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar pada Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat berkata bahawa jumlah kes aktif yang masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan pada ketika ini ialah seramai 27 kes, di mana dua daripadanya masih dalam keadaan kritis dan kedua-duanya

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman  
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

memerlukan bantuan mesin tambahan Heart / Lung Machine (ECMO), di samping bantuan mesin pernafasan. Manakala selebihnya adalah dalam keadaan yang baik.

Pada hari ini juga tambahnya, seramai 81 orang sedang menjalani kuarantin menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala jumlah keseluruhan mereka yang menamatkan tempoh kuarantin ialah sebanyak 2,394 orang.

"Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak 229 sampel diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada 10,579 ujian yang membawa kepada nisbah 1 dalam 41 orang dibuat pemeriksaan ujian COVID-19," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa Kementerian Kesihatan dengan sukacita memaklumkan bahawa alhamdulillah, salah seorang daripada kes yang sembuh tetapi

dimasukkan semula ke Pusat Pengasingan Kebangsaan setelah didapati positif semasa pemeriksaan susulan, dibenarkan pulang ke rumah.

"Ini adalah berikutan beberapa ujian makmal susulan yang dilakukan di Pusat Pengasingan Kebangsaan mendapati beliau negatif bagi virus SARS-CoV-2. Walau bagaimanapun, sebagai langkah berjaga-jaga, beliau akan menjalani pengasingan diri selama 14 hari lagi di



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam.

rumah," terang Yang Berhormat.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai bolehlah melayari Laman Sesawang Kementerian

Kesihatan iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi terus Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi [healthinfo.gov.bn](https://healthinfo.gov.bn).

## Tambahan ujian, 14 hari isolasi bagi kes dijangkiti semula

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 April. - Berikutan kes pesakit yang sembuh namun didapati positif semula COVID-19, Kementerian Kesihatan menukar dasar bagi mereka yang disahkan sembuh dan dibenarkan pulang ke rumah untuk menjalani pengasingan diri selama tempoh 14 hari lagi di rumah masing-masing dan akan menjalani ujian makmal bagi virus SARS-CoV-2 mengikut jadual yang ditetapkan.

"Jadi ada dua perubahan utama, iaitu tambahan ujian dan tambahan 14 hari isolasi berbanding tujuh hari sebelumnya. Dalam perintah isolasi tersebut, di mana pada hari ke-11, mereka akan menjalani ujian sekali lagi," demikian jelas Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar semasa menjawab soalan dari pihak media semasa Sidang Media bagi Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam berlangsung

di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Yang Berhormat menjelaskan bahawa ujian tersebut setentunya memang agak kurang selesa, namun ia adalah sebagai langkah kita untuk berhati-hati.

Terdahulu jelasnya, Standard Operating Procedure (SOP) yang dilaksanakan oleh Kementerian Kesihatan adalah sangat ketat (*strict*), di mana mereka membuat ujian sebanyak dua kali, berbanding beberapa buah negara luar lainnya yang hanya melaksanakan satu kali ujian sahaja.

Yang Berhormat berkata semua pesakit yang sembuh daripada jangkitan COVID-19 perlu menjalani ujian sebanyak dua kali, sekurang-kurangnya 24 jam jaraknya atau lebih dan kedua-dua ujian mestilah negatif sebelum dibenarkan pulang.

Namun disebabkan timbulnya kes pesakit yang disahkan positif COVID-19 semula, maka pihaknya melaksanakan tiga kali ujian. Walaupun keputusan

tersebut adalah negatif, mereka masih perlu menjalani isolasi selama 14 hari.

Menurut Yang Berhormat, melalui pengalaman dari negara-negara jiran, setakat ini belum ada yang menunjukkan bahawa kes pesakit yang didapati positif semula adalah *infectious*, di mana ia boleh menjangkiti orang-orang yang berhampiran dengannya.

"Ia adalah virus *novel*, di mana masih banyak perkara kita perlu mempelajari dan memahami bagaimana virus ini menular dan *survive* dalam badan. Apa yang difahami sekarang ini, walaupun sesorang itu dijangkiti virus, tidak semestinya ada antibodi. Dan melalui kajian dari negara luar, kadang-kadang ia akan mengambil masa selama tujuh hari seseorang itu dijangkiti virus ini dan baharulah ada antibodi. Kita masih perlu melakukan banyak kajian dan ia masih dalam pemantauan," ujar Yang Berhormat.

## Gelang peranti bagi memantau keberadaan pesakit COVID-19

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 April. - Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar menyatakan bahawa Kementerian Kesihatan dalam perancangannya pada masa terdekat akan memberikan peranti (berupa gelang) untuk digunakan oleh pesakit COVID-19, terutama yang dikuarantin bagi memantau keberadaan mereka.

"Kami tidak akan dapat memantau mereka 24 jam untuk memastikan mereka berada di rumah, justeru kami akan memberikan peranti ini. Apabila sistem ini tersedia nanti, kami akan dapat memantau mereka dari jauh dan kami akan tahu siapa yang keluar rumah serta mereka yang membuat pelanggaran akan dicari," ujar Yang Berhormat semasa sesi soal jawab pada Sidang Media bagi

Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

Sementara itu, menyentuh mengenai Pusat-pusat Kesihatan, Yang Berhormat berkata bahawa Kementerian Kesihatan seperti Kementerian-kementerian yang lain juga membuat Business Continuity Plan (BCP), di mana perkhidmatan-perkhidmatan di Pusat-pusat Kesihatan adalah berkurangan pada masa ini, terutamanya di Pusat Kesihatan Berakas dan Pusat Kesihatan Pengkalau Batu yang dikhaskan untuk Klinik Flu.

Mereka yang mempunyai masalah-masalah penyakit Non-Communicable Disease (NCD) tidak lagi ditempatkan di sana dan mereka boleh pergi ke pusat-pusat kesihatan lain yang berdekatan dengannya.

"Jadi disebabkan oleh COVID-19 ini, kami juga perlu melindungi para kakitangan kesihatan kami dan mereka pada masa ini bekerja secara berkumpulan," ujar Yang Berhormat.

Menurut Yang Berhormat lagi, warga-warga emas yang mempunyai masalah darah tinggi atau kencing manis yang terkawal adalah tidak digalakkan untuk ke hospital pada masa ini kecuali mereka yang mempunyai masalah sakit yang serius.

"Jika sekiranya ubat mereka habis, beritahu kami dan kami akan sambung ubat mereka," jelasnya. Yang Berhormat seterusnya berkata bahawa langkah-langkah mengehadkan orang ramai ini juga dibuat di Hospital, Klinik-klinik pakar, Gleneagles JPMC, Pusat Pakar Pantai Jerudong.

**SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?**

Penutup mulut dan hidung secara amnya **tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** anda:

- demam
- batuk
- selsema

Cara penggunaan penutup mulut dan hidung **yang betul.**

- Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan bewarna menghadap keluar.
- Pastikan ia ny tertutup rapi dengan membentuk kepingan logam mengikut bentuk hidung.
- Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.
- Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika iaanya kotor atau basah.
- Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuat penutup mulut dan hidung dengan betul.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut.

www.moh.gov.bn | | | ©123

# Sumbangan bantuan COVID-19 terus mencurah



Oleh : Nooratini Haji Abas  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Menteri Kesihatan (kiri) dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan (atas) ketika menerima beberapa sumbangan daripada beberapa buah syarikat bagi membantu mencegah penularan jangkitan wabak COVID-19.

**BERAKAS**, Khamis, 16 April. - Kementerian Kesihatan terus menerima sokongan dan derma yang tak henti-henti dari pelbagai pihak dan sektor swasta di negara ini, bagi sama-sama membantu mencegah penularan jangkitan wabak COVID-19 yang melanda negara ketika ini.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan hari ini menerima sumbangan cek berjumlah BND275,000.00 daripada Adinin Group of Companies, Exceltech Solutions Sdn. Bhd., Emas Laut,

Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd., Powsen Electrical Co., Lifz Technology Sdn. Bhd., Harun Electrical and Engineering Sdn. Bhd. dan Awinco Sdn. Bhd.

Daripada jumlah tersebut, sumbangan sejumrah BND200,000.00 disampaikan oleh Pengarah Urusan Adinin Group of Companies, Awang Haji Musa bin Haji Adnin; BND15,000 lagi sumbangan daripada Exceltech Solutions Sdn. Bhd. disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Awang

Hafiz Fayadh bin Haji Musa; BND30,000 daripada Emas Laut yang disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Awang Haji Mohammad Taib bin Datu Hulubalang Haji Abdul Wahab; dan BND15,000 sumbangan daripada Syarikat Takaful Brunei Darussalam Sdn. Bhd. pula disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Awang Haji Shahridin bin Pehin Orang Kaya Lela Utama Dato Paduka Haji Jaya.

Sumbangan-sumbangan tersebut diadakan di Bilik VIP, Tingkat 3, Kementerian Kesihatan dan diterima oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin

Haji Jaafar.

Di ruang lain pula, sumbangan yang sama juga diadakan di Holding Room, Ground Floor, di kementerian berkenaan, diterima oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin.

Sumbangan sejumrah BND5,000 daripada Powsen Electrical Co. disampaikan oleh Mr. Chieng Hock Hee; Lifz Technology Sdn. Bhd. menyumbangkan sejumrah BND3,000 yang disampaikan oleh Mr. Ong Boon Kein; BND1,000 daripada Harun Electrical and Engineering Sdn. Bhd. disampaikan oleh Mr. Hon Swee

San dan BND6,000 lagi sumbangan daripada Awinco Sdn. Bhd. disampaikan oleh Pengarah Urusannya, Mr. Kalimuthan Ilangovan.

Sumbangan tersebut adalah sebagai Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility) daripada pihak-pihak penderma dalam membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, khususnya Kementerian Kesihatan dalam sama-sama menangani dan membendung penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.



جوابت قوام نگارا  
PEJABAT PEGUAM NEGARA  
JABATAN PERDANA MENTERI | NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

## PERKHIDMATAN PENDAFTARAN PERKAHWINAN



- Imbas QR Kod
- Isikan borang soalselidik



- Mengembalikan borang yang lengkap ke kaunter Tingkat 1 Bangunan Undang-Undang dan Mahkamah atau melalui Email: rom@agc.gov.bn



- Mengambil Sijil Perkahwinan 2 hari selepas mengembalikan borang yang lengkap
- Membuat Pembayaran

WAKTU KAUNTER PEMBAYARAN :

Isnin - Khamis : 9 pagi - 11 pagi

Sabtu (Tutup)

Emel: rom@agc.gov.bn

Hubungi Kami:

(+673) 2231200

(+673) 2231233

www.agc.gov.bn

QR Kod



# Hadapi COVID-19 dengan segala usaha, langkah tanpa hilang punca



'COVID-19: Apa Kata Mufti?' merupakan buku terbitan terbaru Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri yang juga mengandungi doa-do, zikir-zikir serta ayat-ayat Al-Quran.

Berita dan Foto : Ihsan Awang Osman Abu Bakar

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 April. - Setakat ini, COVID-19 dijangkakan akan terus berlaku berdasarkan penularannya di tahap global masih belum dapat dikawal. Oleh itu adalah sangat

penting bagi kita semua dan di mana jua untuk mengambil langkah berhati-hati dan mengawal sebaik mungkin jangkitannya. Ia mestilah dihadapi dengan segala usaha dan langkah

untuk mencegahnya, dan sekali gus membanterasnya.

Perkara tersebut ditekankan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned di dalam ceramah khas Yang Berhormat Pehin bertajuk 'Apa Kata Mufti Tentang COVID-19 (siri ke-2)' yang disiarkan melalui Radio dan Televisyen Brunei (RTB) pada Jumaat, 18 April 2020.

Walaupun sudah berlalu hampir empat bulan, namun sehingga kini, jelas Yang Berhormat Pehin, dunia masih saja belum lagi menemui ubatnya.


Katanya, ada pihak yang sudah mencuba atau sedang mencuba atau ingin mencuba untuk menghasilkan ubat itu, tetapi belum ada satu pun yang diketahui berjaya, selain baru pada tahap menggunakan alat-alat tertentu sahaja untuk mengelak jangkitan dengan memakai Personal Protection Equipment (PPE) bagi para petugas yang melakukan kerja-kerja saringan, pengambilan sampel dan merawat pesakit. Sementara rawatan bagi pesakit lebih tertumpu kepada meredakan tanda-tanda jangkitan.

Setakat yang mampu dibuat masa ini katanya lagi, kita dikehendaki untuk melindungi diri dengan menjaga kebersihan, seperti menutup mulut dan hidung dengan tisu ketika batuk atau bersin, kerap mencuci tangan dengan menggunakan hand sanitizer atau sabun, digalakkan memakai mask, melakukan penjarakan sosial dan lain-lain sebagai ikhtiar fizikal.

Kita orang Islam, tegas Yang Berhormat Pehin, janganlah hilang punca dan kita juga perlu buat apa yang dunia buat, tetapi dalam pada itu, kita juga mesti faham bahawa apa saja perkara, terjadinya adalah daripada Allah, termasuk penyakit. Dia yang mendatangkan, dan Dia juga yang menarik balik.

"Ubat hanyalah sebab, memang kita disuruh berubat, tetapi penyembuh, sebenar-benar penyembuh itu adalah Allah," tegas Yang Berhormat Pehin.

Kita menangani wabak ini, seperti juga orang lain menanganiinya, iaitu dengan mengambil langkah-langkah pencegahan dan perawatan secara fizikal, tetapi katanya, raja kita berpendapat, ini saja belum dianggap memadai, melainkan kita juga mesti komited kepada



YANG Berhormat Mufti Kerajaan sambil memegang buku terbaru beliau bertajuk 'COVID-19: Apa Kata Mufti'?

pertolongan Allah iaitu dengan membanyakkan doa.

"Betul. Ini memang tepat sekali bahawa kita mesti balik juga kepada Allah. Mengadu kepada-Nya. Kalau meminta, kita minta kepada-Nya. Kalau hendakkan pertolongan, mintalah pertolongan itu kepada-Nya, sebagaimana ikrar kita dalam surah Al-Fatihah ayat 5 dan 6 (tafsirnya): "Hanya Engkau sahaja (Ya Allah) yang kami sembah dan hanya kepada-Mu juia kami memohon pertolongan".

Ke muka 10

## Community for Brunei khusus membantu PMKS

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 April. - Penyebaran dramatik wabak COVID-19 mengganggu komuniti, perniagaan dan kehidupan, baik di dalam negara maupun di seluruh dunia.

Sehubungan itu, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) berbangga menjadi sebahagian daripada inisiatif yang akan membolehkan individu bagi sama-sama bersatu untuk tindakan kolektif, menghulurkan bantuan kepada mereka yang memerlukan dan pada masa yang sama, melindungi kehidupan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) tempatan.

Perkara tersebut digariskan oleh Ketua Pegawai Pemasaran BIBD, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd. Jaafar semasa Sidang Media bersama pengamal media yang dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi Zoom Meeting.

Katanya, Community for Brunei adalah sebagai platform dengan menggunakan teknologi untuk membawa masyarakat bersama, menyediakan ekosistem dalam talian dengan gerbang pembayaran digital bersepadu sebagai sebahagian daripada usaha BIBD untuk menggalakkan masyarakat digital yang dikuasai oleh ekonomi tanpa tunai.

Beliau berharap, Community for Brunei ini akan menjadi destinasi perdana bagi perniagaan tempatan, membolehkan mereka untuk berskala dan berkembang juga pada masa yang sama, membolehkan orang ramai untuk memberi kembali kepada masyarakat.

Pada sesi Sidang Media tersebut, BIBD memperkenalkan dua projek di bawah Tanggungjawab Korporat Sosial (Corporate Social Responsibility - CSR), iaitu Community for COVID dan Community for Ramadan.

Community for COVID merupakan platform bagi memaklumkan kepada orang



KETUA Pegawai Pemasaran Bank Islam Brunei Darussalam, Dayang Hajah Nurul Akmar binti Haji Mohd Jaafar semasa Sidang Media bersama para media yang dilakukan secara dalam talian dengan menggunakan aplikasi Zoom Meeting.



Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad  
Foto: Ihsan Bank Islam Brunei Berhad

awam mengenai keperluan *frontliners* yang dikenal pasti, seperti makanan dan minuman dan keperluan-keperluan lain.

Keperluan-keperluan berkenaan akan dikongsikan menerusi laman sesawang Community for Brunei bagi orang awam memilih keperluan yang ingin disumbangkan dan dihantar kepada *frontliners* di keempat-empat pusat kesihatan bagi COVID-19 dan mengikut masa yang dipersetujui.

Platform ini diharap akan dapat memberikan kemudahan untuk mengenal pasti *demand and supply* dan pada masa yang sama, dapat mengelakkan pembaziran, selain dari *vendors*, terdiri daripada perusahaan kecil, pengusaha, seperti *runners* dan syarikat penghantaran (seperti GoMamam dan Dart) akan dapat mengembangkan perusahaan mereka ketika berhadapan dengan waktu yang mencabar ini.

Sementara projek kedua, Community for Ramadan akan dilancarkan pada 1 Ramadan ini

yang akan memberikan peluang kepada orang awam untuk masih dapat merasakan suasana gerai Ramadan secara *online*, walaupun gerai Ramadan ditiadakan pada tahun ini.

Adalah diharapkan semoga PMKS, terutama sekali mereka yang setiap tahun menyertai Gerai Ramadan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) akan dapat mengambil manfaat daripada *virtual market* ini dengan penyediaan kemudahan kepada orang ramai untuk memilih dan membeli juadah makan minum bagi berbuka puasa dan dihantar ke rumah atau tempat masing-masing.

Pada masa yang sama, penyediaan *virtual market* ini juga adalah selari dan mematuhi segala peraturan dan nasihat dari Kementerian Kesihatan yang menyarankan penjarakan fizikal dan sosial.

Penyertaan untuk *vendor* yang berminat akan bermula pada Isnin,

20 April 2020 dan mereka dikehendaki mendaftar perniagaan mereka dengan Pendaftar Syarikat (jika belum ada), dan mendaftar untuk akaun BIBD.

Orang ramai bolehlah mula membuat pesanan mereka sebaik sahaja keputusan rukyah anak bulan Ramadan diumumkan dan membuat pesanan mulai 1 Ramadan tidak lewat pada jam 10.00 pagi.

Masa tamat ini akan membolehkan *vendor* mempunyai masa yang mencukupi untuk membuat persiapan dan pasukan penghantaran dari Go Mamam menyampaikan barang yang dipesan.

Vendor berminat bolehlah menghubungi BIBD untuk pendaftaran selepas mendapat pendaftaran 16/17, pembukaan akaun PMKS dan pendaftaran QuickPay.

Vendor yang berdaftar di bawah KHEDN atau KKBS yang memenuhi keperluan ini adalah digalakkan untuk pergi melalui kementerian masing-masing.

Kementerian ini kemudian akan meluluskan senarai tersebut kepada BIBD (attn: CMO@bibd.com.bn) untuk tujuan keahlian.

Orang ramai digesa untuk melayari laman sesawang [www.CommunityforBrunei.com](http://www.CommunityforBrunei.com) bagi keterangan lanjut dan laman media sosial kami @communityforBrunei.

Community for Brunei juga diinspirasikan dan diurus oleh anak-anak tempatan, iaitu The Collective, Think Axis, Alicia Newn dan beberapa pihak lain yang mempunyai objektif yang sama, khususnya untuk membantu PMKS.

# Kempen BAHDigital, langkah negara ke arah Revolusi Industri ke-4

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Sabtu, 18 April. - Negara Brunei Darussalam kini bersedia untuk mengalui-alukan revolusi teknologi melalui BAHDigital, iaitu sebuah platform dalam talian (*online*) yang menggabungkan isi kandungan seperti kajian kes (*case studies*), cerita dan peralatan (*tools*) bagi pengguna untuk menghadapi masa depan yang berteraskan digital.

Sebagai inisiatif dari Majlis Ekonomi Digital, Negara Brunei Darussalam, dengan kerjasama Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Pihak Berkusa Industri Teknologi Infokomunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) dan Darussalam Assets Sdn. Bhd., kempen BAHDigital akan menjadi kunci dalam memperkenalkan keupayaan teknologi infokomunikasi (ICT) dalam semua sektor dan industri di negara ini.

Nama BAHDigital dipilih untuk mencerminkan penggabungan budaya Brunei yang diintegrasikan dengan teknologi moden digital ke arah realiti baharu Brunei. Hari ini menandakan pelancaran kempen BAHDigital melalui Laman Sesawang BAHDigital, iaitu <https://www.bahdigital.com/> dan melalui laman media sosial, <https://www.instagram.com/bahdigitalbn/> di Instagram dan <https://www.facebook.com/bahdigitalbrunei/> di Facebook.

Sumber-sumber yang dikongsikan melalui platform BAHDigital akan membolehkan negara untuk memanfaatkan Revolusi Industri ke-4, apakah lagi dalam era masa kini, di mana teknologi dan trend seperti robotik, realiti maya (*virtual reality*), kecerdasan buatan (AI) dan Internet of Things (IOT) membentuk cara hidup dan kerja yang baharu.

Teknologi-teknologi ini akan memperkayakan cara hidup, seperti mana ianya dimanfaatkan melalui pelbagai inisiatif dalam menangani cabaran penularan wabak COVID-19. Transformasi sektor ICT yang dilaksanakan pada awal tahun ini merupakan penanda penting dalam perjalanan Negara Brunei Darussalam ke arah masa depan digital yang membuka laluan bagi pelancaran pelan-pelan baharu oleh Datastream Digital Sdn. Bhd. (DST), Imagine Sdn. Bhd. dan Progresif Sdn. Bhd., dengan infrastruktur yang disediakan oleh Unified National Networks Sdn. Bhd. (UNN).

BAHDigital bertujuan untuk meneroka cara-cara teknologi dan trend yang boleh digunakan di Negara Brunei Darussalam dengan merangkumi aspirasi untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah Smart Nation yang berpandangan ke hadapan di samping mengekalkan budaya dan warisan.

Isi kandungan BAHDigital akan disalurkan melalui enam tumpuan utama yang penting dalam

pembangunan ekonomi negara iaitu Kesihatan, Pelancongan, Gig Economy, Pendidikan, E-Perdagangan dan E-Kerajaan.

Objektif utama dalam penciptaan platform BAHDigital ini adalah untuk mendukung pencapaian matlamat Wawasan Brunei 2035. Antara matlamat yang ingin dicapai oleh BAHDigital dalam masa yang terdekat ini adalah untuk menerapkan teknologi baharu dalam sektor yang menggunakan kaedah konvensional dalam menjalankan perkhidmatan.

Ini sudah dapat dilihat dalam usaha menangani situasi global penularan jangkitan wabak COVID-19 pada masa ini, di mana perkhidmatan digital kini menjadi amat penting dalam pengendalian aktiviti asas harian seperti pembelian barang keperluan rumah, pembayaran bil dan meneruskan pekerjaan seperti biasa.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga memulakan inisiatif-inisiatif seperti memperluaskan perkhidmatan e-Kerajaan, termasuk pembayaran bil secara dalam talian, pembaharuan lesen, pengurusan aplikasi perniagaan dan juga peluang pekerjaan.

Platform Big Data dan Artificial Intelligence (AI) COVID-19, iaitu [www.healthinfo.gov.bn](https://www.healthinfo.gov.bn), merupakan contoh yang menunjukkan bagaimana teknologi digital dapat membantu masyarakat untuk lebih memahami mengenai jangkitan wabak COVID-19 tersebut, membolehkan pengesahan *hotspot* melalui maklumat yang diperoleh daripada pengesahan *contact-tracing* serta mempunyai *online self-screening tool* bagi membuat penilaian persendirian.

Dalam sektor pendidikan, pembelajaran dan pengajaran secara dalam talian (*online*), sudah semakin diterima pakai, seperti mana yang dilaksanakan oleh sekolah-sekolah di negara ini melalui pelbagai landasan *online* yang dikenal pasti. Untuk lebih memudahkan inisiatif ini, UNN juga bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Kementerian Pendidikan dan Kementerian

Pengangkutan dan Info-komunikasi, untuk memastikan pembelajaran dalam talian tidak terjejas dengan menambah kapasiti ke atas *fixed broadband* di negara ini bagi membolehkan penuntut-penuntut mengikuti pembelajaran secara *online*.

Perubahan ketara yang lain termasuk peningkatan laman sesawang untuk membeli-belah secara *online*, mengikuti rutin kesihatan secara *online* dan melaksanakan inisiatif Bekerja Dari Rumah (Work From Home -

WFH) bagi mematuhi garis panduan penjarakan sosial. Industri gig ekonomi juga semakin ke hadapan berikutan peningkatan dalam permintaan bagi kerja-kerja *freelancing* dan perkhidmatan penghantaran.

Untuk jangka masa yang panjang adalah diharapkan para pengguna akan dapat menerima dan menyesuaikan diri dengan perkembangan teknologi yang turut membawa perubahan infrastruktur dan sikap terbuka dalam memanfaatkan perubahan digital.



## Perubahan waktu operasi Talian Nasihat Kesihatan 148

**Siaran Akbar :**  
Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan mengenai perubahan waktu operasi bagi perkhidmatan Talian Nasihat Kesihatan 148 yang dikemas kini, iaitu bermula 7.00 pagi hingga 11.00 malam (setiap hari), mulai 16 April 2020.

Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf di atas sebarang kesulitan yang dihadapi daripada perubahan waktu operasi tersebut.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai juga bolehlah menghubungi Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa.

## HASRAT NEGARA

Dari muka 2

Juga tidak lupa dirakamkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih kepada Pasukan Polis Diraja Brunei, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Pusat Bencana Kebangsaan, Krew dan Juruterbang Royal Brunei, pihak pengurusan dan kakitangan dari Syarikat-Syarikat Brunei Shell Joint Venture (BSJV), Syarikat-Syarikat Yang Berkaitan Dengan Kerajaan (GLCs), Syarikat-Syarikat Pelaburan Langsung Asing atau Foreign Direct Investments (FDI), Syarikat-Syarikat Telekomunikasi, syarikat-syarikat swasta dan agensi-agensi kerajaan yang lain mengikut bidang dan kepakaran masing-masing dalam sama-sama membantu kerajaan beta menangani

cabaran pada masa ini. Jasa yang mereka curahkan kepada keluarga pesakit dan kepada negara khususnya tidaklah dapat digambarkan. Beta berdoa semoga Allah memberkati mereka dengan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Sementara itu, akan turut dibantu, ialah golongan yang terjejas pendapatan akibat COVID-19 dari kalangan penamu, penjual di pasar, pemandu teksi dan pemandu motor tambang. Bantuan ini akan diuruskan oleh Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Sebagai tanda ihsan atau belas kasihan, dalam keadaan sekarang, elok juga rasanya kalau para pemilik premis-premis sewa, seperti kedai-kedai dan seumpamanya, menimbangkan untuk turut meringankan beban penyewa-penyewa yang terjejas perniagaan mereka, dengan

membebaskan atau mengurangkan kadar sewa untuk beberapa waktu sehingga wabak ini berakhir. Kalau ini dapat dibuat, maka tidak syak lagi, ia adalah satu sedekah yang imbalannya adalah pahala.

Beta di sini ingin menekankan, supaya semua orang janganlah lari dari tanggungjawab, termasuk tanggungjawab mematuhi arahan dan undang-undang. Baru-baru ini, ada berlaku kejadian, sekumpulan orang mengadakan pesta hiburan bertempat di sebuah hotel yang menjadi lokasi pengasingan diri.

Mengapa ini boleh belaku? Bagaimana orang-orang ini melihat COVID-19? Dalam masa kita banyak berdoa, tetapi mereka, melanggar arahan dengan berkumpul dan berpesta.

Beta berharap, pihak berwajib akan menangani kes ini dengan setegas-tegasnya. Kitajadikan ia pengajaran untuk semua. Melalui kesempatan ini, beta ingin

menganjurkan supaya kita sama-sama melazimkan diri membaca Surah Yaa Siin selain surah-surah yang lain dalam Al-Quran, kerana Yaa Siin fadilatnya sangat banyak untuk keselamatan kita di dunia dan di akhirat. InsyaAllah, dengan berkat Yaa Siin juga, COVID-19 akan berundur meninggalkan kita dan negara.

Untuk akhirnya, beta mengajak supaya kita sama-sama berdoa: Ya Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua yang Maha berhaik untuk memberikan pengampunan. Aamiin Ya Rabbal Alamiin.

Sekian, Wabillahit Taufeq Walhidayah, Wassalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

## Sumbangan amat dihargai, tunjuk sikap peduli, terpuji

membebaskan atau mengurangkan kadar sewa untuk beberapa waktu sehingga wabak ini berakhir. Kalau ini dapat dibuat, maka tidak syak lagi, ia adalah satu sedekah yang imbalannya adalah pahala.

Beta di sini ingin menekankan, supaya semua orang janganlah lari dari tanggungjawab, termasuk tanggungjawab mematuhi arahan dan undang-undang. Baru-baru ini, ada berlaku kejadian, sekumpulan orang mengadakan pesta hiburan bertempat di sebuah hotel yang menjadi lokasi pengasingan diri.

Mengapa ini boleh belaku? Bagaimana orang-orang ini melihat COVID-19? Dalam masa kita banyak berdoa, tetapi mereka, melanggar arahan dengan berkumpul dan berpesta.

Beta berharap, pihak berwajib akan menangani kes ini dengan setegas-tegasnya. Kitajadikan ia pengajaran untuk semua. Melalui kesempatan ini, beta ingin



# COVID-19 : 22 ribu alat pelindung muka dihasilkan untuk *frontliners*



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari juga turut sama dalam kerja pembikinan alat pelindungan muka (atas). Sementara gambar kiri, sebahagian sumbangan awal alat pelindungan muka yang dipakai oleh para *frontliners*.

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto : Ihsan Sparks Co. & Green Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN,**  
Rabu, 15 April. - Ke arah menyokong inisiatif sejagat, sebanyak 22 ribu pelindung muka (*face-shield*) dihasilkan oleh lebih

dari 45 sukarelawan daripada agensi-agensi yang terlibat sebagai usaha perlindungan tambahan kepada para pejuang barisan hadapan negara (*frontliners*) dalam

sama-sama menangani wabak COVID-19 pada ketika ini.

Inisiatif berkenaan diterajui oleh Peradian Brunei, iaitu sebuah rangkaian komuniti yang terdiri

daripada FERA Health and Nursing Care, Project Big BWN, Kunyit 7 Lodge dan Simon Adinin serta dengan kerjasama Cerita Fabrikku dan Green Brunei dalam menyokong lagi projek tersebut.

Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Khairunnisa binti Haji Ash'ari ketika ditemu bual antara lain berkata, sokongan dan sumbangan untuk projek ini adalah datang daripada pelbagai agensi, perniagaan dan individu, termasuk Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS).

Jelasnya, projek itu sudah bermula pada 4 April yang lalu, dan sebanyak 10 ribu unit diserahkan pada Isnin lalu dan diedarkan ke beberapa buah jabatan di bawah Kementerian Kesihatan.

Adapun pengeluaran 10 ribu unit pertama dibayai oleh sumbangan yang diterima dari masyarakat melalui FERA Health & Nursing Care, manakala baki selebihnya adalah dalam pembikinan yang sedang berjalan ketika ini.

"Kami ingin mengucapkan terima kasih kepada para sukarelawan yang banyak menyumbang tenaga dan usaha yang terus menerus. Di samping itu, sumbangan-sumbangan dari pelbagai individu dan syarikat juga amatlah dihargai. Semoga kita sebagai rakyat, akan terus

menyumbang dalam membantu mengurangkan beban kerajaan, di samping menjalankan tanggungjawab dengan melakukan penjarakan sosial dan 'teranah di rumah', " jelasnya lagi.

Bahan untuk pelindung muka DIY ini merangkumi tilam busa yang dipotong menjadi bentuk, tali elastik dan kepingan PVC lut sinar.

Pemasangan untuk setiap unit hanya memerlukan beberapa minit sahaja dengan menggunakan stapler, pita dua sisi dan gam putih.

Sementara itu, reka bentuk pelindung muka pula dibuat dengan input daripada kakitangan klinik Kementerian Kesihatan dan menyesuaikan reka bentuk sumber terbaik dan input pengeluaran.

Berikutnya usaha tersebut, pengeluaran 10 ribu unit tambahan juga disokong oleh Staf Bahagian Perbankan Korporat, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD).

Sementara itu, Dayang Nurul Adibah binti Haji Hamdani dari Sparks Co. juga berkata, pihaknya juga prihatin dalam mengekang jangkitan COVID-19 di negara ini dan turut sama bekerjasama dalam projek berkenaan dengan menyumbangkan dua ribu alat pelindung muka dengan bantuan Green Brunei untuk kegunaan para barisan hadapan kita.

"Kami menyasarkan untuk membuat 500 unit sehari dan menyiapkan sepenuhnya sebanyak dua ribu unit pada minggu ini," katanya dalam menghasilkan alat pelindung muka yang juga dibiayai oleh Sparks Co., AKK Design dan My Favoureat Kopitiam.

Selain itu, beliau menambah, Restoran My Favoureat Kopitiam juga turut sama menyumbang makanan selama sudah lebih kurang sebulan kebelakangan iaitu lebih empat ribu *packed meals* setakat ini, sebagai tanda sokongan dalam sama-sama membantu para *frontliners*.

Dapatkan maklumat terkini mengenai situasi COVID-19 di Negara Brunei Darussalam melalui Telegram rasmi GOV.BN  
<https://t.me/govbnofficial>  
atau imbas QR code



gov.bn



NURUL Adibah binti Haji Hamdani dari Sparks Co.

# Pendedahan perintah persaingan dalam pertumbuhan ekonomi



**PENGURUSI** Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadii hadir sama di Sesi Dialog Persaingan bertajuk 'Peranan Perintah Persaingan di dalam Pertumbuhan Ekonomi' yang diadakan di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA).

Siaran Akhbar dan Foto :  
Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 April. - Persaingan merupakan komponen penting dalam pertumbuhan ekonomi. Perkara ini dibangkitkan dalam Sesi Dialog Persaingan bertajuk 'Peranan Perintah Persaingan di dalam Pertumbuhan Ekonomi' yang diadakan di Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) dan Universiti Brunei Darussalam (UBD) pada awal tahun ini.

Sesi dialog yang dianjurkan oleh Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam itu bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai konsep persaingan dalam operasi pasaran yang berfungsi dengan baik, dan memperkenalkan mengenai peranan perintah persaingan dalam mempromosi peluang perniagaan dan seterusnya melahirkan pasaran yang adil.

Sesi dialog juga dihasratkan

untuk memberi inspirasi dan merangsang minat para mahasiswa, mahasiswi dan akademia dari UNISSA dan UBD untuk menjalankan penyelidikan di bidang perundangan dan dasar persaingan mengambil kira kesesuaian dan kepentingan bidang ini dalam mencapai visi ekonomi jangka panjang Negara Brunei Darussalam iaitu ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

Hadir pada sesi-sesi dialog berkenaan adalah Pengurusi Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, Yang Berhormat Nik Hafimi binti Abdul Haadii. Turut hadir bagi Sesi Dialog bersama Universiti Brunei Darussalam ialah Ahli Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam, Dr. Joyce Teo Siew Yean, Penolong Naib Canselor dan Naib Presiden (Hal Ehwal Global), Universiti Brunei

Darussalam.

Sesi dimulakan dengan taklimat yang disampaikan oleh pakar persaingan dan mantan Ketua Dasar Persaingan dan Pengguna di United Nations Conference on Trade and Development (UNCTAD), Dr. Hassan Qaqaya. Beliau juga merupakan Rakan Senior di Melbourne Law School, University of Melbourne di dalam bidang Dasar Perdagangan Antarabangsa dan Persaingan. Ini disusuli dengan pengenalan mengenai perkembangan Perintah Persaingan yang disampaikan oleh Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam.

Dr. Hassan Qaqaya mengongsikan bahawa persaingan adalah suatu proses dalam mencapai matlamat kecekapan pasaran. Pelaksanaan dasar dan perundangan persaingan yang berkesan akan melahirkan peniaga yang inovatif dan produktif, yang bersaing secara adil, dan seterusnya menawarkan barang dan perkhidmatan pada harga yang kompetitif kepada pengguna.

Bagi membolehkan persaingan mencapai potensi dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi, adalah penting juga untuk mempunyai dasar-dasar yang koheren dengan prinsip persaingan. Ke arah mendorong local start-ups dalam kalangan inkubator keusahawanan UBD, Dr. Hassan Qaqaya menekankan perlunya untuk berhati-hati dalam mengendali maklumat perniagaan kerana perkongsian maklumat komersil yang sensitif boleh menimbulkan ancaman kepada persaingan.

Penerangan mengenai skop dan larangan-larangan utama Perintah Persaingan dikongsikan oleh Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan Brunei Darussalam.

Larangan pertama iaitu Perjanjian Anti-Persaingan, juga dikenali sebagai kartel, dikuatkuasakan pada awal tahun ini. Kartel merujuk kepada perjanjian di antara dua atau lebih peniaga untuk menetapkan harga,

membahagikan pasaran, mengehadkan bekalan, menipu bidaan (kolusif tender).

Sekretariat Eksekutif turut menggalakkan pihak universiti untuk menyertai Virtual ASEAN Competition Research Centre (<https://aseancompetition.org/research/>) yang menyediakan platform kajian dalam bidang persaingan.

Turut menyertai Sesi Dialog bersama UBD selaku penceramah jemputan ialah Penasihat Undang-Undang Kanan dari Indonesia Competition Commission, Tuan Mohammad Reza.

Tuan Mohammad Reza, melalui perbincangan forum di dalam sesi berkenaan mengongsikan pengalaman Indonesia dalam menguatkuasakan perundangan persaingan di peringkat awal pelaksanaannya, dengan tumpuan diberikan kepada kolusif tender.

Sesi diakhiri dengan perbincangan yang aktif bersama mahasiswa dan mahasiswi, antara lain menyentuh topik mengenai pengenaan Perintah Persaingan dan impak persaingan dalam ekonomi digital.

Sesi Dialog masing-masing mengambil tempat di bangunan UNISSA dan UBD, dihadiri oleh lebih daripada 50 orang terdiri dari mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang perundangan, ekonomi, kewangan dan perdagangan, serta akademia dan warga pentadbir yang berkennaan.

Sekretariat Eksekutif Suruhanjaya Persaingan boleh dihubungi melalui e-mel [brunei.competition@jpes.gov.bn](mailto:brunei.competition@jpes.gov.bn) atau talian +673 2233344 sambungan 230 / 341 / 343 bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenainya dan permohonan taklimat Perintah Persaingan.

## Hadapi COVID-19 dengan segala usaha, langkah tanpa hilang punca

Dari muka 7

"Khususnya dalam situasi kita menghadapi COVID-19 ini, tidaklah patut bagi kita mendongak banyak-banyak ke langit berdoa untuk memohon belas kasihan Allah?" tegas Yang Berhormat Pehin.

Sehubungan itu, Yang Berhormat Pehin menjelaskan bahawa Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, turut sama-sama menyediakan beberapa doa, zikir dan beberapa ayat Al-Quran untuk dibaca, sambil memasang niat kepada Allah, semoga dengan membaca doa dan zikir serta ayat-ayat ini, Allah akan kabulkan hajat kita untuk menolak wabak COVID-19.

Doa-doa dan zikir-zikir serta ayat-ayat itu, jelasnya lagi sengaja dipilih yang mudah-mudah sahaja supaya senang dicerna.

Doa-doa, zikir-zikir serta ayat-ayat yang dimaksudkan itu ada termuat di dalam buku terbitan terbaru Jabatan Mufti Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri bertajuk, 'COVID-19: Apa Kata Mufti?'. Buku tersebut adalah adaptasi daripada ceramah khas Yang Berhormat Pehin bertajuk 'Apa Kata Mufti Tentang COVID-19 (Siri Pertama)' yang disiarkan di RTB pada 27 Mac 2020 yang lalu, dibukukan dengan dibahagikan kepada tiga bab iaitu Bab 1 bertajuk 'Masyarakat Bertanya Mufti Menjawab', Bab 2 bertajuk 'COVID-19 Menurut Pandangan Islam', dan Bab 3 iaitu tambahan khas bagi ceramah tersebut bertajuk 'Zikir Menghadapi Pelbagai Bencana dan Wabak'.

# Projek Ikhlas 12.0 serlah keprihatinan masyarakat

Oleh: Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad  
Foto: Ihsan Persatuan Bulan Sabit Merah

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 April. - Projek Ikhlas 12.0, Menyulam Kasih Ramadan anjuran Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam akan diadakan pada 19 April 2020 ini.

Sehubungan itu, pihak persatuan berharap orang ramai yang berkesudian untuk tampil dalam sama-sama menghulurkan sumbangan berbentuk barang keperluan harian seperti beras, tepung, minyak masak, gula, makanan ringan, malah mereka juga menerima baucar barang dari pasar raya.

Presiden persatuan, Awang Haji Muhammad Suhaimi Haji Ibrahim ketika ditemu bual menjelaskan, orang ramai yang hendak menyumbangkan derma barang tersebut bolehlah datang

menyerahkan secara pandu lalu (drive-thru) di Ibu Pejabat Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam di Kawasan Letak Kereta, Pejabat Pos Bunut iaitu di belakang Stesen Minyak Shell Bunut. Penyerahan tersebut katanya, akan bermula dari jam 8.00 pagi sehingga 5.00 petang.

Mengulas tujuan projek tersebut, beliau menjelaskan bahawa barang-barangan yang diterima itu nanti akan disumbangkan kepada keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan di negara ini termasuk golongan asnaf fakir miskin, asnaf mualaf daif, warga emas yang bersendirian serta orang yang berkeperluan khas.

Selain itu, sumbangan turut disedekahkan kepada pesakit keluarga-keluarga

COVID-19 yang sedang menjalani kuarantin di kediaman masing-masing.

Beliau seterusnya berkata bahawa sumbangan ini diselenggarakan bagi sama-sama menyambut kedatangan bulan suci Ramadan yang akan menjelma tidak lama lagi. Tambahnya, inisiatif yang disokong oleh para sukarelawan persatuan ini, diharap akan dapat membantu pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam menangani isu kemajlisahan asnaf fakir miskin dan mereka yang memerlukan.

Persatuan ini memang aktif dalam mengungkayahkan tiga hingga empat projek ikhlas, di antaranya Projek Ikhlas Kembali ke Sekolah pada setiap bulan Disember, Projek Ikhlas Menyulam Kasih Ramadan yang diadakan setiap bulan Ramadan dan Hari Raya Aidilfitri. Manakala

Projek Ikhlas Khusus diselenggarakan jika ada musibah seperti banjir kilat, kebakaran rumah dan bencana-bencana alam yang lain.

Menerusi Projek Ikhlas ini juga, pihak persatuan juga berupaya menyediakan BRC Food Aid bertujuan menyediakan bantuan makanan asasi pada bila-bila masa diperlukan oleh masyarakat yang memerlukan tidak kira siapa dan dalam keadaan apa sekalipun.

Manakala School Aid juga disediakan untuk membantu kanak-kanak terutama pelajar di pelbagai peringkat dari rendah ke institusi pengajian tinggi yang memerlukan peralatan persekolahan.

"Seperti lazimnya, Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam di keempat cawangan daerah mempunyai daftar senarai nama penerima yang terdiri dari golongan asnaf fakir miskin dan asnaf mualaf dan yang berkeperluan. Walau



**PRESIDEN** Persatuan Bulan Sabit Merah Negara Brunei Darussalam, Awang Haji Muhammad Suhaimi Haji Ibrahim.

bagaimanapun dari semasa ke semasa menerusi Food Aid boleh diagiarkan kepada mereka yang memerlukan," katanya lagi.

Selaku sebuah masyarakat yang prihatin, kita digalakkan untuk sama-sama menyokong serta menghulurkan sumbangan demi kebaikan mereka yang memerlukan kerana tangan yang memberi itu adalah lebih baik apatah lagi dengan kedatangan bulan Ramadan ini, segala usaha dan sumbangan akan diberikan rahmat dengan pahala yang berlipat ganda.

# Laksanakan Majlis Tahlil, Doa Arwah secara dalam talian



**MAJLIS** Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah dilakukan secara online (atas). Sementara gambar kanan, makanan secara take-away diambil secara penuh lalu.



Oleh : Norliah Md. Zain  
Foto : Ihsan Awang Azmerul Haji Haris

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 17 April. - Bulan Syaaban merupakan bulan yang mana masyarakat kita lazim mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah dengan berhimpun bersama dengan keluarga yang terdekat dan sanak saudara.

Tetapi sedikit berbeza pada tahun ini, memandangkan bulan Syaaban jatuh pada musim pandemik COVID-19 yang melanda dunia ketika ini, Kementerian Kesihatan

menasihatkan untuk terus membuat penjarakan sosial atau fizikal selagi mana jangkitan wabak ini belum lagi berakhir.

Namun dengan adanya teknologi terkini, acara tersebut masih boleh dilakukan secara online.

Dengan menggunakan beberapa gadget yang terdapat pada rumah keluarga masing-masing dan penggunaan aplikasi tertentu, bacaan tahlil beramai-ramai masih sahaja dapat dilaksanakan, walaupun rasa terkilan tidak dapat bersama-sama seperti tahun-tahun

yang sebelumnya.

Awang Azmerul bin Haji Haris bersama ahli keluarganya yang lain melakukan inisiatif melaksanakan bacaan Tahlil dan Doa Arwah secara live melalui aplikasi Zoom pada Khamis (malam Jumaat) baru-baru ini.

Menurut Awang Azmerul, perancangan untuk mengadakan Majlis Tahlil secara live ini sudah dibuat seminggu sebelumnya, di mana beberapa siri perbincangan dibuat melalui aplikasi WhatsApp, malah percubaan menggunakan aplikasi Zoom juga turut dilaksanakan.

"Bagi sama-sama menjaga penjarakan sosial atau fizikal, maka Majlis Tahlil pada tahun ini dibuat dengan sedikit kelainan, iaitu secara live menggunakan aplikasi Zoom dari rumah. Maka dipohonkan ahli keluarga yang lain untuk sama-sama ikut Membaca Tahlil melalui live berkenaan dari rumah masing-masing," ujar Awang Azmerul.

Untuk persediaan awal, jelasnya, ahli keluarga yang lain hendaklah memuat turun terlebih dahulu aplikasi berkenaan, sama ada melalui App Store atau Google Store dan seterusnya mendaftar menggunakan e-mel masing-masing. Code Link untuk join diberikan pada hari live berkenaan.

Pada hari live berkenaan, katanya, ahli keluarga diminta dibuat dengan sedikit kelainan, iaitu secara live menggunakan aplikasi Zoom dari rumah. Maka dipohonkan ahli keluarga yang lain untuk sama-sama ikut Membaca Tahlil melalui live berkenaan dari rumah masing-masing," ujar Awang Azmerul.

Untuk persediaan awal, jelasnya, ahli keluarga yang lain hendaklah memuat turun terlebih dahulu aplikasi berkenaan, sama ada melalui App Store atau Google Store dan seterusnya mendaftar menggunakan e-mel masing-masing. Code Link untuk join diberikan pada hari live berkenaan.

Pada hari live berkenaan, katanya, ahli keluarga diminta

untuk login lima minit lebih awal sebelum acara.

Bagi kelancaran bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah dapat didengar oleh semua secara live, mikrofon masing-masing hendaklah dipasang pada mode mute sebaik saja bacaan dimulakan, tambahnya.

Sementara itu bagi jamuan pula, pengagihan dan pemberian makanan kepada setiap keluarga diadakan secara take-away dan diambil secara pandu lalu pada sebelah petang, iaitu di rumah salah sebuah keluarga yang telah ditetapkan.

Perancangan turut dibuat dengan menyenaraikan menu makanan agar tidak bertembung dengan ahli keluarga yang lain.

Pada hari acara pula, segala makanan dibungkus terlebih dahulu dan disenaraikan nama penerima agar semua ahli keluarga sama-sama mendapat bahagian masing-masing.

Ditanya mengenai perancangan acara akan datang, setakat ini keluarga beliau sudah pun membuat pembahagian juzuk untuk acara Khatam Al-Quran keluarga mereka dan merancang live menggunakan aplikasi Zoom untuk acara Khatam Al-Quran itu nanti.

Beliau turut bersyukur kerana ahli keluarganya menyokong dan menyambut baik usaha ini, serta berdoa agar wabak ini segera berakhir.

## Jangan lari dari tanggungjawab, patuhi arahan dan undang-undang

Di samping itu, pelaburan dalam penggunaan Artificial Intelligence juga dilaksanakan agar ia dapat membantu Kementerian Kesihatan melaksanakan penjagaan kesihatan secara sistematis.

Kesejahteraan dan keselamatan rakyat dan penduduk di negara ini terus menjadi keutamaan. Justeru beberapa Paket Stimulus Ekonomi melalui agensi-agensi berkenaan diperkenalkan agar peniaga, termasuk Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) atau mereka yang bermula sendiri yang turut terkesan oleh COVID-19, dapat meneruskan perniagaan masing-masing. Sistem Kebajikan Negara (SKN) juga akan dilancarkan pada bulan Julai ini, insyaAllah. Sistem ini akan memudahkan pemohon-pemohon untuk membuat permohonan kepada kerajaan.

Golongan lain yang turut terjejas pendapatan akibat COVID-19 iaitu dari kalangan penamu, penjual di pasar, pemandu teksi dan pemandu motor tambang juga akan dibantu di mana bantuan akan diuruskan oleh Majlis Ugama Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Melihat keadaan semasa, ada juga baiknya para pemilik premis-premis sewa seperti kedai-kedai seumpamanya bagi menimbangkan untuk turut meringankan bebanan para penyewa yang terjejas perniagaan mereka dengan membebaskan atau mengurangkan kadar sewa untuk beberapa waktu sehingga wabak ini berakhir. Baginda bertitah, jika ini dapat dilaksanakan, ia adalah satu sedekah yang imbalannya adalah pahala.

Dalam keadaan sekarang, orang-orang Brunei telah menunjukkan sikap pemedulian yang terpuji dengan menghulurkan sumbangan berupa apa saja untuk membantu Kementerian Kesihatan menangani wabak ini dan baginda dengan

tulus iklas merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih di atas sumbangan tenaga dan buah fikiran yang dihilurkan oleh semua pihak dalam membantu kerajaan baginda menghadapi detik-detik yang mencabar ini. Bagi memudahkan orang ramai menyalurkan sumbangan mereka, baginda telah memperkenankan bagi diwujudkan satu dana yang diberi nama COVID-19 Relief Fund. Sumbangan-sumbangan ini akan digunakan untuk keperluan perubatan menangani wabak.

Adalah juga difahami betapa beratnya bebanan yang dipikul oleh para barisan hadapan. Bagi menghargai jasa dan bakti mereka ini, baginda melihat sangatlah wajar untuk mereka disangkut dengan eluan khas sebanyak BND400 sebulan khususnya kepada para doktor, jururawat, paramedik, pemandu ambulans, sukarelawan, pembersih, penjaga keselamatan dan kesuaian mereka yang bertugas dengan Kementerian Kesihatan khususnya di Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Pusat Pengasingan Kebangsaan Tutong dan di pusat-pusat kuarantin yang dikhaskan oleh kerajaan baginda. Pemberian eluan khas ini akan berjalan bermula bulan Mac 2020 sehingga berakhirnya wabak COVID-19 di negara ini.

Baginda menekankan supaya semua orang jangan lari dari tanggungjawab termasuk tanggungjawab mematuhi arahan dan undang-undang. Baru-baru ini ada berlaku kejadian sekumpulan orang mengadakan pesta hiburan bertempat di sebuah hotel yang menjadi lokasi pengasingan diri. Dalam masa kita banyak berdoa tetapi mereka melanggar arahan untuk berkumpul dan berpesta. Justeru baginda melahirkan harapan agar pihak

berwajib akan menangani kes ini dengan setegas-tegasnya agar kita jadikan ia pengajaran untuk semua.

Mengakhiri titah baginda, baginda ingin menganjurkan supaya kita sama-sama melazimkan diri membaca Surah Yaa Siin selain surah-surah yang lain dalam Al-Quran. Ini adalah kerana fadhilat Yaa Siin sangat banyak untuk keselamatan kita di dunia dan di akhirat. InsyaAllah, dengan berkat Yaa Siin juga, COVID-19 akan berundur dan meninggalkan kita dan negara.

Kesimpulannya, Kerajaan Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berusaha untuk membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini dengan memperkenalkan pelbagai langkah dan inisiatif. Di samping itu, kerja keras para barisan hadapan serta penyumbang-penyumbang dalam apa jua bentuk juga adalah sangat dihargai. Kerajaan juga berusaha untuk membantu terutama bagi mereka yang terjejas pendapatan akibat wabak ini. Bagaimanapun, semua orang hendaklah sentiasa mematuhi arahan-arahan yang dikeluarkan ke arah membendung penularan wabak ini di negara ini. Lazimkanlah berdoa dan semoga wabak ini akan tiada lagi di negara ini.

Mengakhiri, marilah kita sama-sama berdoa bersama baginda: Ya Allah, hanya Engkau jua tempat kami berlindung, maka lindungilah kami, dari bahaya COVID-19, dari serangan dan jangkitannya. Jika wabak ini bersebab dari dosa-dosa manusia, maka Engkau ampunkanlah. Sesungguhnya, hanya Engkau jua Yang Maha Berhak untuk memberikan pengampunan. Amin... Ya Rabbal Alamin...



Oleh : Sastra Sarini Haji Julaini

**B**ERMULA 9 Mac 2020 sejak kes pertama COVID-19 disahkan di negara ini, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak kendur-kendur dalam usahanya untuk menangani dan membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Akibat wabak ini, norma kehidupan berubah termasuk menjelaskan kedudukan ekonomi. Bagaimanapun ini bukan sahaja berlaku di negara ini, malahan di seluruh dunia di mana sehingga petang 17 April 2020 menurut [www.healthinfo.gov.bn](http://www.healthinfo.gov.bn), sejumlah 2,185,633 kes disahkan dengan jumlah kes kematian sebanyak 146,920 dicatat seluruh dunia. Data ini cukup menunjukkan bahawa pandemik ini menjelaskan hampir seluruh negara-negara di dunia.

Baru-baru ini Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Titah Perutusan Khas berkenaan Jangkitan Wabak COVID-19 menggariskan langkah-langkah kerajaan baginda ke arah membendung penularan wabak tersebut di negara ini, termasuk mengenalkan inisiatif-inisiatif bagi membantu mereka yang terjejas akibat wabak ini.

Alhamdulillah, Makmal Virologi Kebangsaan telah dibina di mana makmal ini banyak membantu, khasnya bagi Kementerian Kesihatan mempertingkatkan lagi keupayaan penganalisaan dan mampu untuk mengeluarkan keputusan ujian dengan lebih cepat.

# دُعَاءٌ مُّوْهِنٌ كَفَدَ اللَّهُ سُقَايٍ تِرْسَلَامَةٌ دَرْفَدْ بِلَاءَ دَانْ سَكَلْ جَنِيسْ فِيَكِيتْ

**DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA  
DAN SEGALA JENIS PENYAKIT**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ ۝ ۳ كَالِمَ۝ .

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ الْتَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ۝ ۳ كَالِمَ۝ .

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي  
السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ۝ ۳ كَالِمَ۝ .

بِسْمِ اللَّهِ وَالْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدُ رَسُولُ اللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.

بِسْمِ اللَّهِ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.

بِسْمِ اللَّهِ حَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللَّهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ  
اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءَ. بِسْمِ اللَّهِ أَفْتَحْنَا وَبِاللَّهِ  
أَخْتَنَّنَا وَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحْصَنَّا بِذِي الْعَزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ.  
وَاعْتَصَمَنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَمِيِّ الَّذِي لَا  
يَمُوتُ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُنَاحِ، وَمِنْ سَيِّئِ  
الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ أَصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجِمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي  
كُلِّ مَكَانٍ أَبْلَاءَ وَأَلْوَاءَ وَالْطَّعْنَ وَالْطَّاغُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ  
وَقَنَا شَرَّ الْرَّدَى بِلْطِفَّكَ يَا لَطِيفُ يَا حَبِيبُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ  
شَيْءٍ قَدِيرٌ ۝ ۳ كَالِمَ۝ .

وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ،  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

## TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan anaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan juga di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## آية الكرسي

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَّاهُ كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبَرُ، وَتُنْصَصِّي بِهِ الْخَوَاعِيْغُ، وَتُنْثَلُ بِهِ الْأَرْغَابِيْثُ وَالْخَوَاتِيْمُ، وَيُسْتَسْقَى الْعَنَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِيهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَسْخَةٍ وَنَفْسٍ يَعْدِدُ كُلَّ مَعْلُومٍ لَكَ.

(٦٥)

## صلوات تفرجية

اللَّهُمَّ صَلِّ صَلَّاهُ كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَائِمًا عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ الَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ الْعُقْدُ، وَتَنْفَرُجُ بِهِ الْكُرْبَرُ، وَتُنْصَصِّي بِهِ الْخَوَاعِيْغُ، وَتُنْثَلُ بِهِ الْأَرْغَابِيْثُ وَالْخَوَاتِيْمُ، وَيُسْتَسْقَى الْعَنَامُ بِوَجْهِهِ الْكَرِيمِ، وَعَلَى آلِيهِ وَصَاحِبِهِ فِي كُلِّ لَسْخَةٍ وَنَفْسٍ يَعْدِدُ كُلَّ مَعْلُومٍ لَكَ.

### Maksudnya:

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurallah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapalah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabulah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdian mata dan hembusan nafas, maka semoga Engku limpahkan dengan cucuranrahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

### Penerangannya:

Salawat ini amar luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardhu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفارِ

اللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، حَلَقْتَنِي وَأَنَا عَبْدُكَ، وَأَنَا عَلَى عَهْدِكَ وَوَعَدْكَ مَا أُسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَاغْفِرْ لِي فِيْنَهُ، لَا يَغْفِرُ الذُّنُوبُ إِلَّا أَنْتَ.

### Maksudnya:

"Ya Allah Engkaulah Tuhan yang sebenar selain Engku. Engku telah menciptakan ku, dan aku harbaMu. Aku berada dalam kitanan janjiMu menurut kemampuanku. Aku berlindung denganMu dari kejahatan yang kulakukan. Aku sedari ni'matMu kepadaiku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engku".

### Fadlatnya:

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاءن يع مباوا كبر او نتو غن ساعت بسر كقد قعملن ( تولق بلاء )

**(3)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
وَلَا حُوْلَّ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung juga).

### Penerangan:

Menurut hadith, barangsiapa mengalami kesusahan atau dalam dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasaNya akan melepaskan orang itu dari apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمِ

(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).

### Penerangan:

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup 'aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadith, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar dari setiap dukacita, dari kesempitan dan kesusahan serta menguniakannya rezeki dari sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(1)**

حَسِبْنَا اللَّهَ وَرَبِّنَا الْوَكِيلَ

(Memadalah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).

### Penerangan:

Ini adalah ayat al-Qur'an, Surah ali 'Emran ayat 173. Menurut hadith, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir (aurat) ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغْفِرُ

(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu juga, tolonglah aku/bantulah aku!).

### Penerangan:

Ini adalah zikir hebat, Barangsiapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekaligus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Didalam sebuah riwayat, Nabi *Shallallahu 'Alaihi Wasallam* telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

**(4)**

وَأَفْوَضُ أَمْرِي إِلَى اللَّهِ

(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah juga).

### Penerangan:

Ini adalah ayat al-Qur'an, Surah Ghafir ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan dari segala musibah berlaku. Malah binatang buas seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.


**IKLAN JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM**

MAKLUMAT LANJUT MENGENAI DENGAN SYARAT-SYARAT KELAYAKAN SERTA HURAIAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI JAWATAN-JAWATAN KOSONG SILA LAYARI [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

TARIKH IKLAN : 18 APRIL 2020  
TARIKH TUTUP : 16 MEI 2020

**PERATURAN 7(A)**

BILANGAN IKLAN 28/04/20 (SPA/BIKL)

Dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai  
dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

<b>1. PEGAWAI TUGAS-TUGAS KHAS TINGKAT II B.2 EB.3 (BAHAGIAN II)</b> JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAH DALAM NEGERI KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/0015/03	<b>2. PEMERIKSA KERETA C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III)</b> JABATAN PENGANGKUTAN DARAT KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/0015/01	<b>3. PENGERAK JENTERA TURBINE D.4 EB.5 (BAHAGIAN IV)</b> JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA KEKOSONGAN = DUA (02) 2020/0014/03
<b>4. PEMBANTU PENGELOLA ZAKAT DAN FITRAH D.3-4 EB.5 (BAHAGIAN IV)</b> KEMENTERIAN HAL EHWAH UGAMA KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/0014/09	<b>5. PENOLONG PENGERAK JENTERA TURBINE D.3 EB.4 (BAHAGIAN IV)</b> JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK KEMENTERIAN TENAGA KEKOSONGAN = DUA (02) 2020/0014/02	<b>6. PENOLONG OPERESI RENDAH D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV)</b> JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI KEKOSONGAN = SEPULUH (10) 2020/0011/16

PERATURAN 38(A)  
BILANGAN IKLAN 25/2020 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.

<b>1. PENOLONG PENGARAH KUMPULAN 2 (BAHAGIAN I)</b> INSTITUT PENGAJIAN PERTAHANAN DAN STRATEGIK KEMENTERIAN PERTAHANAN KEKOSONGAN = SATU (01) 2020/009/09
---

PERATURAN 38(B)  
BILANGAN IKLAN: 26/2020 (SPA/BIKL)

Khusus bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian Pendidikan sahaja.

<b>1. GURU TINGKAT I PG.2 (BAHAGIAN III)</b> PENDIDIKAN RENDAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN KEKOSONGAN = TIGA (03) 2020/0015/02
---

**UNTUK MENGETAHUI MENGENAI:**

Syarat-Syarat Am, Tatacara Permohonan dan juga lain-lain maklumat sila kunjungi ruangan *Quicklinks* dan *FAQ's* di [www.recruitment.gov.bn](http://www.recruitment.gov.bn)

Sebarang pertanyaan mengenai keputusan-keputusan *shortlisting*, hal ehwal ujian dan temu duga hendaklah menghadapkan ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam melalui e-mel [query@spa.gov.bn](mailto:query@spa.gov.bn)

BILANGAN TAWARAN :  
JPi / 1 / 2020

TAJUK :  
THE SITE IDENTIFICATION AND DESIGNING OF ARTIFICIAL REEFS (ARs)

TARIKH TUTUP :  
Selasa, 12 Mei 2020, jam 2.00 Petang



UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI



1. UNISSA / SB0001 / 2020 / 2021 -  
MENCETAK DAN MENGHANTAR  
BUKU PUSAT PENYELIDIKAN  
DAN PENERBITAN UNIVERSITI  
ISLAM SULTAN SHARIF ALI  
(UNISSA)  
MAC 2020

2. UNISSA / SB0002 / 2020 / 2021 -  
TO REPLACE, SUPPLY AND INSTALL  
NEW AIR-CONDITIONING UNIT  
SYSTEM (VARIES TYPES) FOR  
UNIVERSITI ISLAM SULTAN  
SHARIF ALI  
(UNISSA)

3. UNISSA / SB0003 / 2020 / 2021 -  
TO REPLACE, SUPPLY AND INSTALL  
NEW AIR-CONDITIONING UNIT  
SYSTEM (VARIES TYPES) FOR  
HOSTEL UNIVERSITI ISLAM  
SULTAN SHARIF ALI  
(UNISSA)

TARIKH TUTUP :  
RABU, 22 APRIL 2020,  
JAM 2.00 PETANG


**JABATAN KERJA RAYA  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

DIBUKAKAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG YANG BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN PEMBANGUNAN DI DALAM KELAS : II & III  
KATEGORI : KA01, M03 SAHAJA  
  
TARIKH TUTUP : 5 MEI 2020 (SELASA)  
TIDAK LEWAT DARI JAM 2.00 PETANG  
  
BILANGAN TAWARAN : JKR / DWS / 002 / 2020

NAMA PROJEK : KONTRAK PENGGAL BAGI KERJA-KERJA PEMELIHARAAN SISTEM PENGEPAM AIR DAN PEMELIHARAAN TANGKI AIR BANGUNAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI COMMONWEALTH DRIVE SELAMA 36 BULAN

YURAN TAWARAN : BND30.00 (TIDAK DIKEMBALIKAN)

YURAN E-DOKUMEN : -


**KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**BIL. TAWARAN :**  
KHEU / BDP / 164 / 008 / 2020

**TAJUK :**  
INSTALLATION OF FENCING AND SIGNAGE TO TANAH PERKUBURAN ISLAM RINGAN RINGAN, KAMPUNG PARIT, MUKIM PENGKALAN BATU, BRUNEI DARUSSALAM

**KELAS : I & II**

**KATEGORI : B 01 SAHAJA**

**YURAN :**  
TIDAK DIKENAKAN BAYARAN

**TARIKH TUTUP :**



RABU, 6 MEI 2020  
12.00 TENGAH HARI


**JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**BIL. TAWARAN :**  
JAPEM / Q / 2020 / PBBM / 02

**PERKARA :**  
PEMBEKALAN BAGI PERANCANGAN PEMAKANAN (BARANG MENTAH) PUSAT BAHAGIA BRUNEI MUARA KAMPUNG PULAI, JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT BAGI TEMPOH 2 TAHUN

**TARIKH TUTUP :**  
SELASA, 28 APRIL 2020,  
JAM 2.00 PETANG


**JABATAN PENTADBIRAN DAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

**SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN**

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 01 / 2020 / 2021  
[BPPA-APRIL-2020]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH AMO, KLUSTER 1, DAERAH TEMBURONG, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**  
BND 5.00 [Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 02 / 2020 / 2021  
[BPPA-APRIL-2020]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA HUSSAIN, KLUSTER 2, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK B]

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**  
BND 5.00 [Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 03 / 2020 / 2021  
[BPPA-APRIL-2020]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH PUTAT, KLUSTER 3, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**  
BND 5.00 [Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 04 / 2020 / 2021  
[BPPA-APRIL-2020]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH DATO JAMIL, KLUSTER 3, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**  
BND 5.00 [Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 05 / 2020 / 2021  
[BPPA-APRIL-2020]


**KOLEJ UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA SERI BEGAWAN  
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**MAKLUMAN**  
**RENOVATION WORK TO OFFICE  
KEWANGAN AT KOLEJ  
UNIVERSITI PERGURUAN UGAMA  
SERI BEGAWAN KM 2 JALAN RAJA  
ISTERI PENGIRAN ANAK  
SALEHA BANDAR SERI BEGAWAN  
(2020-2021)**

**TARIKH AKHIR MENGAMBIL  
BORANG TAWARAN :**  
ISNIN, 27 APRIL 2020,  
JAM 10.00 PAGI


**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN  
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Ref : JKP / SH / 2020-2021 / 2**  
Project Title : MAINTENANCE AND CLEANING OF LANDSCAPES AND FACILITIES AT SUNGAI BASONG RECREATIONAL PARK, TUTONG FOR A PERIOD OF (1) YEAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**Ref : JKP / SH / 2020-2021 / 3**  
Project Title : MAINTENANCE AND CLEANING OF LANDSCAPES AND FACILITIES AT SERI KENANGAN BEACH RECREATIONAL PARK, TUTONG FOR A PERIOD OF (1) YEAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

CLOSING DATE :

THURSDAY, 30th APRIL 2020, 2.00 PM.



**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH SAYYIDINA UMAR AL-KHATTAB, KLUSTER 3, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**  
BND 5.00 [Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 06 / 2020 / 2021  
[BPPA-APRIL-2020]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH LAMBAK KANAN, JALAN 49, KLUSTER 3, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**  
BND 5.00 [Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 07 / 2020 / 2021  
[BPPA-APRIL-2020]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH MENENGAH PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENTERI, KLUSTER 4, DAERAH BRUNEI MUARA, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN [KANTIN BAHAGIAN BLOK 'B']

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**  
BND 5.00 [Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

**BILANGAN SEBUT HARGA :**  
DA / JKSH / 08 / 2020 / 2021  
[BPPA-APRIL-2020]

**KETERANGAN :**  
SEBUT HARGA PERKHIDMATAN KANTIN BAGI SEKOLAH RENDAH LUMUT, KLUSTER 6, DAERAH BELAIT, KEMENTERIAN PENDIDIKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH TIGA [3] TAHUN

**BAYARAN YURAN / DOKUMEN SEBUT HARGA :**  
BND 5.00 [Bayaran Dokumen Sebut Harga tidak dikembalikan]

**TARIKH TUTUP DAN WAKTU :**  
2 MEI 2020, [Tidak lewat jam 9.00 Pagi]




**MAHKAMAH MAJISTRET  
DAERAH TEMBURONG**

**MAHKAMAH MAJISTRET  
DAERAH TEMBURONG  
JABATAN KEHAKIMAN NEGARA**

**SURAT KUASA PUSAKA  
TEMB / DE BONIS NON / 06 / 2019**

**KENYATAAN**

BAHAWA permohonan kepada mahkamah ini telah diperbuat oleh **DAYANG SUPIAHNOR BINTI HAJI KAMIS** kerana minta Surat Kuasa pentadbir kepada harta pusaka yang dipunyai oleh **MOHAMMAD ISMAIL BIN HAJI KAMIS** yang telah meninggal dunia di NEGARA BRUNEI DARUSSALAM dengan sebab, iaitu si pemohon ialah **ADIK-BERADIK** kepada si mati.

Oleh itu, kenyataan diberi bawah permohonan ini akan didengarkan di dalam **MAHKAMAH MAJISTRET DAERAH**

**TEMBURONG pada 30 April 2020, jam 9.30 Pagi.**

Orang-orang yang berhak di dalam harta pusaka si mati itu dikehendaki hadir dan menyaksikan perbicaraan itu pada waktu dan tempat yang tersebut di atas.

Sesiapa yang berhajat hendak membantah permohonan itu bolehlah menghantar surat bantahan kepada **PEGAWAI WARIS, DAERAH TEMBURONG** sebelum tarikh yang tersebut di atas.

Tarikh : 11 April 2020.

**(HAJAH FAUZIHANA  
BINTI HAJI MOHAMAD)**

Timbalan Pendaftar Mahkamah Rendah  
b.p Pegawai Waris  
Mahkamah Daerah Temburong  
Negara Brunei Darussalam.

**MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM  
DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KES NO. BCY / CP / 373 / 2019**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**  
- Pemutang / Pemetisyen

**KHAIRUL FAHMI BIN TALIB**  
(BYIC No. 00-292351)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 13 Februari 2020.

Notis adalah diberikan bawah perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada **4 Jun 2020, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **4 Jun 2020, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 25 Mac 2020

**KES NO. BCY / CP / 253 / 2019**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM  
BERHAD**  
- Pemutang / Pemetisyen

**MOHD. NURUL AZAMRI  
BIN HAJI ZAINAL**  
(BYIC No. 00-322773)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 27 Februari 2020.

Notis adalah diberikan bawah perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1) Mahkamah Besar pada **11 Jun 2020, jam 10.00 Pagi**.

**9.00 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **11 Jun 2020, jam 9.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 31 Mac 2020

**DK SITI NURSU'AIDAH  
BINTI PG JUFRIZAR @  
PG TAJUDDIN**

Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY / CP / 140 / 2019**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH  
ISLAM BRUNEI**  
- Pemutang / Pemetisyen

**ADI BIN HAJI ABDULLAH**  
(BYIC No. 00-077898)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 3 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bawah perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **8 Jun 2020, jam 10.00 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **8 Jun 2020, jam 10.00 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan



**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI  
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**DIBUKAKAN KEPADA  
PEMBORONG-PEMBORONG  
YANG BERDAFTAR DI NEGARA  
BRUNEI DARUSSALAM**

Tarikh tutup pada :  
**12 Mei 2020, Selasa**  
sebelum jam 2.00 Petang.

**JASTRE / BTR / T012 / 2020  
PEMELIHARAAN LANDSKAP  
DAN PENYELENGGARAAN  
KEMUDAHAN DI TAMAN  
REKREASI PANTAI LUMUT,  
BELAIT BAGI TEMPOH  
DUA (2) TAHUN**

NO. PROJEK :  
**JASTRE / BTR / T012 / 2020**  
KELAS II, III & IV

**KATEGORI KPB12**

**JUMLAH YURAN TAWARAN :**  
BND30.00 (tidak dikembalikan)



**(R1-1) Mahkamah Besar pada 8 Jun 2020,  
jam 10.15 Pagi.**

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **8 Jun 2020, jam 10.15 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 31 Mac 2020

**KES NO. BCY / CP / 244 / 2019**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**  
- Pemutang / Pemetisyen

**BADRУZ SAIFULLAH  
BIN ABDULLAH BELALANG**  
(BYIC No. 01-090203)  
- Penghutang / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG  
TENTANG PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 24 Oktober 2019.

Notis adalah diberikan bawah perjumpaan pertama bagi pemutang-pemutang dalam perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (R1-1) Mahkamah Besar pada **15 Jun 2020, jam 9.30 Pagi**.

Bagi membolehkan kamu mengundi dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi yang hendak digunakan dalam perjumpaan itu, bukti kamu mestilah disampaikan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam terhadap Penghutang telah ditetapkan pada **15 Jun 2020, jam 9.30 Pagi** di Mahkamah Besar.

Mana-mana pemutang yang telah memberikan bukti, atau wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, boleh menyoal penghutang dalam pemeriksaan awam baginya berhubung dengan hal ewalnya dan sebab-sebab kegalannya.

Bertarikh : 1 April 2020

**MUHD MUZAKKIR BIN HAJI ZAKARIA**  
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi  
Mahkamah Besar

# Pelaksanaan dua projek pelestarian tenaga di Daerah Temburong

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Tenaga**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Jumaat, 17 April. - Kementerian Tenaga melalui Bahagian Tenaga Lestari baru-baru ini memperkenalkan dua projek yang berhubung pelestarian tenaga - Projek Pemasangan Bumbung Solar 8KW Photovoltaic dan Program Audit Tenaga di Daerah Temburong.

Projek-projek ini bertujuan untuk menggalakkan penggunaan teknologi tenaga boleh diperbaharui dan juga untuk memastikan bahawa peluang penjimatatan tenaga dioptimumkan secara berhemah di Daerah Temburong. Projek-projek tersebut akan menyokong inisiatif dan pelan induk projek Lembaga Kemajuan Daerah Temburong (AKDT).

Projek pemasangan bumbung solar 8kW di kedai tiga tingkat di Bangunan Komersial Bumiputra apabila selesai, akan menjadi projek solar pertama yang diterajui oleh pihak kerajaan di Daerah Temburong, sekali gus menyokong konsep hijau daerah tersebut. Ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan Kementerian untuk

mengintegrasikan tenaga diperbaharui ke dalam gabungan penjanaan kuasa negara dalam merealisasikan Wawasan Brunei 2035.

Pembinaan projek ini dimulakan pada awal April 2020 oleh kontraktor tempatan dan dijangka siap pada akhir April 2020. Dianggarkan bahawa sistem PV solar ini akan menghasilkan kira-kira 10,500 kWh setahun. Ini setara dengan pengurangan pelepasan karbon dioksida sekitar 2.838 kg setahun dan pengurangan penggunaan diesel sebanyak 4.200 liter setahun.

Ini adalah projek perintis untuk menguji pengaturan fotovoltaik suria untuk skema pemeteran bersih yang dinanti, sebuah mekanisme yang membolehkan lebihan tenaga dari sistem atop fotovoltaik solar dieksport ke dalam grid. Dalam hal ini, Kementerian mengalukan penglibatan institusi pendidikan tinggi di negara ini serta organisasi bukan berdasarkan keuntungan (NGO), untuk turut serta dalam proses analisis selama tempoh percubaan

projek.

Kementerian melancarkan program pengauditan tenaga di bangunan kerajaan di Daerah Temburong pada Februari 2020. Audit tenaga dijalankan oleh Pengurus Tenaga dan Juruaudit Tenaga yang diperakui Kementerian dari Program Latihan dan Persijilan Pengurus Tenaga Kecekapan Tenaga ASEAN-Jepun (AJEEP) skema.

Kesemua bangunan pejabat kerajaan di Daerah Temburong diharapkan memenuhi Indeks Kecekapan Tenaga (EEI) yang diamanatkan sebanyak 175 kilowatt jam per meter persegi setahun sebagai sebahagian daripada syarat di bawah Brunei Accredited Green Unified Seal (BAGUS) yang dihasilkan oleh Kementerian Pembangunan untuk dianugerahkan dengan Sijil Pengiktirafan Label Tenaga Bangunan (BEL).

BEL direka menggunakan kriteria penilaian bintang; satu bintang mewakili kurang cekap dan lima bintang sebagai bangunan pejabat paling cekap. Juruaudit Tenaga juga akan memberikan beberapa cadangan mengenai bangunan pejabat yang dinilai di bawah lima bintang untuk



**PROGRAM** pengauditan tenaga di salah sebuah bangunan kerajaan di Daerah Temburong.

meningkatkan lagi prestasi tenaga mereka dan diaudit setiap tahun. Ia juga berencana untuk memperluas program audit tenaga ke Bangunan Komersial di Daerah Temburong dengan kerjasama Kementerian Pembangunan.

Kementerian juga merancang untuk membangunkan perisian aplikasi mesra pengguna yang menjadikan audit tenaga dapat dilaksanakan sendiri di semua sektor. Maklumat mengenai aplikasi akan segera tersedia dalam

talian melalui Laman Sesawang Kementerian Tenaga.

Daerah Temburong adalah daerah khas di Negara Brunei Darussalam, yang terkenal dengan hutan dan kehijauannya yang masih asli. Kedua-dua projek berkaitan tenaga lestari yang kini dilaksanakan oleh Kementerian di Daerah Temburong adalah langkah awal yang pertama. Lebih banyak projek hijau akan dilaksanakan oleh Kementerian dalam jangka pendek hingga sederhana.

## Pelan Strategik baharu MTIC 2025 dilancarkan

**Siaran Akhbar dan Foto :**  
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Khamis, 16 April. - Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) hari ini melancarkan Pelan Strategik yang baharu, iaitu MTIC 2025 bagi tempoh lima tahun akan datang.

Melalui MTIC 2025 ini, hala tuju dan fokus utama MTIC adalah sejajar dengan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien

Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam (NBD) sebagai sebuah Negara Pintar (Smart Nation).

Di samping itu juga, dengan Visi baharu iaitu 'Negara Pintar Terhubung' (Connected Smart Nation) dan dengan Misi 'Meningkatkan Kesalinghubungan Ke arah Meluaskan Peluang Sosioekonomi, Inovasi dan Kualiti Kehidupan Yang Tinggi'

(Enhancing Connectivity for Greater Socio-economic Opportunities, Innovation and High Quality of Life), pelan strategik MTIC ini menujurs dan sejarah dengan tiga sasaran Wawasan Brunei 2035 iaitu, Kualiti kehidupan yang tinggi (High quality of life); Negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya (Highly educated and skilled workforce); dan Ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan (Sustainable and dynamic economy).

Pendekatan MTIC berpandukan kepada enam Teras Strategik seperti berikut iaitu;

(i) Transformasi Digital - yang

memaparkan usaha-usaha membawa NBD mencapai status Negara Pintar (Smart Nation) berlandaskan Kerajaan Digital (Digital Government), Masyarakat Digital (Digital Society) dan Ekonomi Digital (Digital Economy).

ii) Memastikan sektor pengangkutan dan sektor infokomunikasi sentiasa berdaya maju dan mempunyai kedayaahan - mewujudkan Pengangkutan Pintar (Smart Transportation) melalui kaedah Kenderaan Elektrik (Electric Vehicle) dan Projek Rintis Sistem Pengangkutan Pintar (Intelligent Transport System - ITS) ke arah memperbaiki Sistem Pengangkutan Awam di NBD. Di bidang Infokomunikasi dan Teknologi (ICT) pula, melalui projek Anugerah ICT Brunei (BICTA), MTIC juga terus mendorong penglibatan aktif pihak-pihak tertentu dalam menghasilkan produk-produk ICT, bukan sahaja untuk dilanjutkan kepada aplikasi penggunaan di negara ini, tetapi untuk turut dikomersialkan bagi pengekspor tan ke luar negara,

iii) Piawaian keselamatan sentiasa terpelihara dalam sektor pengangkutan dan sektor infokomunikasi - MTIC akan meneruskan usaha-usaha menurunkan kadar kemalangan di jalan raya dan juga akan mengekalkan piawaian keselamatan serta kesiapsiagaan kesemua agensi di bawahnya, demi mematuhi keperluan sekuriti, keselamatan dan kesejahteraan para penumpang dan pengguna,

iv) Rangka kerja penggubalan dasar dan pengawalseliaan yang kondusif bagi pelaburan dan pemberian perkhidmatan - giat meneruskan inisiatif-inisiatif usaha-sama dan permuzakarahan dengan pihak - pihak

dalam memayukan sebarang cadangan dasar yang perlu digubal atau dikemas kini bagi memudah cara perkembangan industri dan pelaburan,

v) Transformasi organisasi - transformasi pengurusan dan operasi akan diteruskan dengan pendekatan baharu ke arah mencapai kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan kepada orang ramai, khususnya dalam sektor perkhidmatan pos, penerbangan awam dan pengangkutan darat; dan

vi) Pengukuhan kerjasama antarabangsa - melalui forum antarabangsa dan serantau seperti Mesyuarat Menteri-menteri Pengangkutan ASEAN (ASEAN Transport Minister's Meeting - ATM) dan ASEAN Digital Minister's Meeting (ADGM), perjanjian-perjanjian serantau akan terus dimeterai secara dua hala dan berbagai hala bagi manfaat kesemua pihak dalam bidang-bidang seperti latihan dan pembangunan kapasiti dalam sektor-sektor pengangkutan dan infokomunikasi.

Melalui Pelan Strategik yang baharu ini nanti, MTIC juga akan memberikan fokus dan menyasarkan peningkatan dalam menjana peluang-peluang pekerjaan untuk rakyat tempatan dan pertumbuhan sektor-sektor berkaitan dengan pengangkutan dan infokomunikasi.

Pelan Strategik MTIC 2025 pada hari ini dilancarkan dengan memuat naik Pelan Strategik tersebut dalam format PDF dan juga e-buku interaktif dengan siaran petikan-petikan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ke Laman Sesawang MTIC iaitu [www.mtic.gov.bn](http://www.mtic.gov.bn).



# Perubahan waktu operasi ujian swab



Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 April. - Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa terdapat perubahan waktu operasi bagi perkhidmatan ujian *swab* di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Perkhidmatan Ujian Swab di Kompleks Sukan, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) akan beroperasi setiap hari termasuk Jumaat, Ahad dan hari-hari kelepasan awam bermula pada pukul 8.00 pagi hingga 12.00 tengah malam. Waktu operasi ini

telah dikemaskinikan dan dimulai pada 14 April 2020.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan ingin memohon maaf atas sebarang kesulitan yang dihadapi daripada perubahan waktu operasi tersebut. Untuk maklumat lanjut, orang ramai juga bolehlah menghubungi terus Talian Darussalam 123 pada bila-bila masa sahaja.

**MINDA PEMBACA**

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1. 'Sedekah Pembuka Pintu Rezeki'. Tarikh Tutup : 22 April 2020
2. 'Rebutlah Ganjaran Menyemarakkan Ramadan'. Tarikh Tutup : 29 April 2020
3. 'Utamakan Membaca Al-Quran Setiap Hari'. Tarikh Tutup : 6 Mei 2020

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkah dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200 hingga 300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**

Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bandar Seri Begawan, BB3510 Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel : [pelita.brunei@information.gov.bn](mailto:pelita.brunei@information.gov.bn)

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

**Menangi  
BND75**  
SETIAP MINGGU

## Suspek curi di Pusat Pengasingan Kebangsaan ditahan

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 April. - Balai Polis Tutong, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) berjaya menahan seorang lelaki warga Filipina kerana disyaki terlibat melakukan perbuatan curi di Pusat Pengasingan Kebangsaan, Tutong pada 10 April 2020 yang lalu.

Suspek bernama Jay Noel De Vera Gonzales, berumur 40 tahun dan bekerja sebagai pembersih di Pusat tersebut.

Di samping itu, rakaman kamera litar tertutup (CCTV) di tempat kejadian turut memaparkan kelabit suspek yang kerap kali memeriksa tong sampah yang berada di kawasan *decontamination* dan kemudiannya menukarnya dengan tong sampah yang lain, di mana tersimpannya barang curi, iaitu satu beg sikut kepunyaan salah seorang individu yang menjalani pengasingan diri. Kesemua barang curi berhasil diperoleh semula dan dirampas untuk dijadikan bahan bukti.

Pada 15 April 2020, suspek dihadapkan ke Mahkamah Perantaraan, Bandar Seri Begawan bagi menghadapi pertuduhan di bawah seksyen 380A, Kanun Hukuman Jenayah, Penggal 22 iaitu Melakukan curi di tempat yang terkawal. Hasil daripada sebutan kes, tertuduh mengaku tidak bersalah dan kes akan dibicarakan semula pada 29 April 2020.

Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) ingin mengingatkan orang ramai agar lebih berhati-hati apabila meletakkan barang-barang persendirian atau yang berharga di tempat yang lebih selamat atau berkunci bagi mengelakkan berlakunya kecurian.



ANTARA wang yang dicuri oleh suspek warga Filipina.

## Buat kacau kena 1 tahun penjara

**BERAKAS**, Rabu, 15 April. - Keanggotaan Balai Polis Berakas, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) menahan seorang lelaki yang bertindak membuat kekacauan dengan menggunakan sebilah pisau berlaku di kawasan gedung perniagaan Kampung Serusop.

Siasatan awal pihak polis mendapati pada hari kejadian 20 Mac 2020, suspek datang ke tempat kerja teman wanitanya, iaitu di sebuah Pusat Penjagaan Kesihatan (SPA) dalam keadaan marah sambil memegang sebilah pisau di tangan kirinya. Suspek serta memaksa dan menarik tangan mangsa untuk dibawa balik ke rumah.

Menurut siasatan lanjut, suspek tidak mempunyai sebarang pekerjaan dan tinggal lebih masa di negara ini sejak tahun 2015.

Suspek merupakan seorang warganegara Filipina bernama Keister Jay Dela Cerna Legaspi, berumur 22 tahun, dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan bagi menghadapi tiga pertuduhan di bawah Seksyen 506 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, Seksyen 29 (1) Akta Ketenteraman Awam Penggal 148 dan di bawah Seksyen 15(1) Akta Imigresen.

Suspek mengaku bersalah ke atas semua pertuduhan dan

disabitkan hukuman serentak iaitu penjara selama satu tahun dan tiga kali sebatan bermula pada 28 Mac 2020 di Penjara Maraburong.

PPDB menegaskan masyarakat awam supaya tidak bertindak melulu dalam mengikut perasaan dan emosi tanpa memikirkan akibat dan keburukannya yang boleh merosakkan kehidupan masa depan serta menghancurkan institusi kekeluargaan.



**SUSPEK**, seorang warganegara Filipina bernama Keister Jay Dela Cerna Legaspi, berumur 22 tahun.



SUMBANGAN derma diterima oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri (dua, kanan).

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Dalam usaha untuk membendung penularan jangkitan wabak COVID-19,

pelbagai cara dan usaha dilakukan, antaranya menjaga kebersihan diri seperti kerap mencuci tangan dan sebagainya.

Sehubungan itu, atas keperihatinan orang ramai, pelbagai pihak daripada sektor swasta dan orang ramai mengambil inisiatif

# JHEM terima sumbangan

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

untuk menyumbangkan barang keperluan kepada pihak yang berkeperluan seperti masjid, surau dan balai ibadat seluruh negara.

Pihak Jabatan Hal Ehwal Masjid (JHEM), Kementerian Hal Ehwal Ugama menerima sumbangan daripada keluarga Hamba Allah, berupa 46 botol Pencuci Tandas, 19 botol Peluntur, enam botol Pencuci Lantai, 55 botol Pencuci Cermin, 17 botol Hand Sanitizer dan 53 botol Sabun Pencuci Tangan.

Sumbangan derma tersebut

diterima oleh Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Turut hadir menyaksikan pemberian sumbangan tersebut, pegawai dan kakitangan JHEM.

Semoga dengan adanya usaha seumpamanya dan kerjasama daripada semua pihak, penularan jangkitan wabak COVID-19 ini akan dapat ditangani dengan segera juga berdoa agar Allah mengurniakan kesembuhan kepada pesakit dan melindungi kita semua, sekali gus terhapus wabak tersebut dari bumi ini.

## Dua aktiviti pengedaran dadah tumpas

Siaran Akhbar dan Foto : Biro Kawalan Narkotik

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Biro Kawalan Narkotik (BKN) berjaya menumpaskan dua kegiatan aktiviti pengedaran dadah secara berasingan di Daerah Tutong dan Daerah Temburong.

Kes pertama melibatkan tangkapan tiga orang lelaki tempatan, berusia dalam lingkungan 26 ke 35 tahun, di sebuah kediaman di Kampung Pengkalan Liulon, Tutong pada 2 April 2020.

Hasil daripada serbuan dan pemeriksaan ke atas tempat kejadian menemukan satu paket plastik berisi ketulan hablur dipercayai dadah jenis Syabu, dadah Kelas A, melebihi 30 gram yang dianggarkan bernilai melebihi BND7,000.

Antara barang lain yang dirampas, iaitu beberapa alat perkakas yang dipercayai digunakan untuk menghisap dadah

dan beberapa paket plastik lut sinar yang disyaki untuk kegunaan aktiviti penjualan dadah.

Tangkapan bagi kedua-dua kes masih di bawah siasatan kesalahan, iaitu Seksyen 3A Akta Penyalahgunaan Dadah (APD), Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah terkawal bagi tujuan mengedaran yang boleh membawa hukuman minima lima tahun penjara dan lima sebatan dan hukuman maksima 20 penjara dan 15 sebatan dan memiliki bagi tujuan mengedaran dadah terkawal Kelas A, lebih daripada 100 gram membawa kepada hukuman gantung hingga mati; Seksyen 6(a) APD, Penggal 27, iaitu atas kesalahan memiliki dadah terkawal yang boleh membawa hukuman penjara sehingga tempoh 10 tahun atau denda sebanyak BND20,000 atau kedua-duanya dan Seksyen 6(b) APD, Penggal 27, iaitu atas kesalahan memakan dadah terkawal yang boleh membawa hukuman penjara sehingga tempoh 10 tahun atau denda sebanyak BND20,000 atau kedua-duanya.

Adalah menjadi satu kesalahan di bawah APD, Penggal 27, jika terlibat dengan apa jua bentuk aktiviti berhubung dengan penyalahgunaan dan pengedaran dadah terkawal.

BKN masih terus menjalankan tindakan penguatkuasaan dengan waspada bagi membasi penyalahgunaan dadah walaupun dalam keadaan situasi penularan wabak COVID-19 masa kini.

Justeru itu, BKN ingin menerusi kepada orang ramai agar memberikan kerjasama dalam sama-sama membasi aktiviti yang boleh merosakkan kehidupan dan kestabilan negara.

Sebarang maklumat yang mencurigakan berhubung dengan kegiatan penyalahgunaan dadah, boleh menghubungi talian +673 2448877 (waktu pejabat) atau Hotline +673 8777444 (selepas waktu pejabat) atau e-mel ncb@narcotics.gov.bn.



BEBERAPA paket plastik dan potongan straw berisi ketulan hablur dipercayai dadah jenis Syabu, dadah Kelas A.



ANTARA paket plastik berisi ketulan hablur dipercayai dadah jenis Syabu, dadah Kelas A.

## Peperiksaan SPB Sesi Jun 2020 dibatalkan

Siaran Akhbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 15 April. - Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan ingin memaklumkan bahawa Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei (SPB) bagi Sesi Jun 2020 adalah dibatalkan.

Berikut dengan penularan jangkitan wabak COVID-19, keutamaan Kementerian Pendidikan adalah untuk memastikan kesejahteraan pelajar-pelajar juga guru-guru dan orang awam amnya.

Oleh yang demikian, pihak Jabatan Peperiksaan mengambil keputusan untuk tidak mengendalikan semua peperiksaan bagi Sesi Mei / Jun 2020 dan ini juga bermaksud tiada peperiksaan akan dijalankan bagi Sijil Perdagangan Brunei bagi Sesi Jun 2020.

Sehubungan itu, pemohon-pemohon yang membuat pendaftaran / pembayaran bagi menduduki Peperiksaan Sijil Perdagangan Brunei Sesi Jun 2020 adalah dinasihatkan untuk menghubungi Jabatan Peperiksaan segera.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi talian pertanyaan Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan melalui +673 2380630 dan +673 2380776 pada waktu bekerja sahaja atau e-mel exam.dept@moe.gov.bn.

# 31 pain darah didermakan



Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid  
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Rabu, 15 April. - Sejumlah 31 pain darah berjaya dikumpulkan pada Kempen Derma Darah di Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS).

Kempen Derma Darah yang diadakan selama dua hari itu dikendalikan dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS, bertujuan untuk membantu menambahkan tabung darah dan memenuhi misi Pusat Pendermaan Darah bagi memastikan ketersediaan bekalan darah yang selamat dan dipercayai.

Para penderma darah yang

terdiri daripada anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) dan kakitangan awam Kementerian Pertahanan turut patuh melaksanakan langkah berjaga-jaga sepanjang kempen tersebut, seperti yang disarankan oleh Kementerian Kesihatan untuk mencegah penularan jangkitan wabak COVID-19.

Sebelum menderma darah, para penderma diperiksa dan ditanya beberapa soalan peribadi mengenai kesihatan mereka juga selepas pendermaan darah dijalankan, para penderma dinasihatkan untuk memperbanyak meminum air dan



ANTARA pegawai dan kakitangan yang turut serta dalam Kempen Derma Darah yang berlangsung di Pusat Pendermaan Darah, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) (atas kiri). Sementara gambar atas, Kempen Derma Darah dikendalikan dengan kerjasama Pusat Pendermaan Darah, Hospital RIPAS.

elakkan daripada melakukan aktiviti-aktiviti sukan atau senaman berat atau mengangkat barang yang berat dalam masa 24 jam selepas menderma darah.

Setiap individu yang berhasrat untuk menderma darah hendaklah bebas daripada selesesa, demam panas dan penyakit-penyakit lain, selain mempunyai berat badan sekurang-kurangnya 50 kilogram atau 110 paun, berumur 18 tahun

ke atas.

Kempen tersebut secara tidak langsung mendedahkan para penderma kepada aktiviti berbentuk kebajikan juga mengajak pegawai dan kakitangan kementerian berkenaan menanamkan sifat dermawan dengan cara menderma darah bagi membantu para pesakit yang

memerlukan.

Kempen Derma Darah tersebut merupakan sebahagian daripada komitmen juga tanggungjawab sosial Kementerian Pertahanan dan ABDB yang dilaksanakan ke arah usaha membantu pihak kerajaan, khususnya Kementerian Kesihatan dalam menangani wabak COVID-19.

## Pastikan kad kredit, debit dibenarkan oleh pihak bank

Siaran Akhbar : Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 April. - Dalam memperkenalkan perkhidmatan-perkhidmatan dalam talian (*online*), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) melalui Pusat Kebangsaan e-Kerajaan (EGNC) ingin merakamkan penghargaan di atas penerimaan dan kerjasama orang ramai dalam menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan berkenaan.

Bagi menjamin proses *online* berjalan dengan lancar, selain daripada mengemas kini dokumen-dokumen, adalah disarankan kepada orang ramai dalam memudahkan proses pembayaran *online* untuk memastikan kad kredit atau kad debit yang akan digunakan untuk terlebih dahulu dibenarkan (*authorised*) oleh pihak bank para pengguna masing-masing bagi kegunaan *online* dan dihubungkan kepada akaun bank yang aktif.

Dalam tempoh masa 1 April 2020 hingga 12 April 2020, Jabatan Pengangkutan Darat (JPD), Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC) menerima kira-kira seribu permohonan bagi membaharui lesen kendaraan dan sebanyak seribu seratus permohonan bagi membaharui lesen memandu melalui aplikasi mudah alih TransportBN juga portal rasmi kerajaan [www.gov.bn](http://www.gov.bn).

Daripada jumlah-jumlah tersebut, terdapat sejumlah permohonan yang gagal atas sebab pembayaran *online* ditolak (*declined*), baki tidak mencukupi (*insufficient funds*) atau pemegang kad tidak disahkan (*card holder not authorised*).

Orang ramai juga perlu mempunyai akaun e-darussalam terlebih dahulu bagi menggunakan perkhidmatan-perkhidmatan dalam talian yang disediakan oleh Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Tempoh masa bagi Talian Darussalam untuk mengaktifkan akaun e-darussalam setelah permohonan yang lengkap diterima melalui WhatsApp ataupun e-mel adalah selama dua hari.

Bagi sebarang pertanyaan mengenai perkhidmatan-perkhidmatan dalam talian, orang ramai bolehlah menghubungi Talian Darussalam melalui talian 123.

## Bantu kesan dua lelaki dikehendaki

Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 15 April. - Pasukan Polis Diraja Brunei melalui Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah meminta kerjasama juga bantuan orang ramai untuk mengesan dua orang lelaki yang dikehendaki.

Dua lelaki tersebut, Md. Norasri bin Haji Mohd. Noorazlisham, nombor kad pengenalan 00-288514 (K); dan Mohamad Faizul Faizlan bin Rosidi, nombor kad pengenalan 30210300 (U).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenainya, hubungi Unit Siasatan Jenayah Penderaan Wanita dan Kanak-Kanak, Jabatan Siasatan Jenayah menerusi talian +673 2459500 sambungan 496/333 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau mana-mana Balai Polis berdekatan.

## Pembersihan Tamu Mingguan, Tutong giat dilaksanakan



KEMENP Pembersihan Tamu Mingguan Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong semasa dilaksanakan (atas dan bawah).

Berita dan Foto : Dk .Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Rabu, 15 April. - Ke arah mempertingkatkan lagi langkah-langkah membendung penularan wabak COVID-19 di Negara Brunei Darussalam dan

demi kesejahteraan juga keselamatan orang awam dan berpandukan kepada nasihat Kementerian Kesihatan, Kementerian Hal Ehwal

Dalam Negeri (KHEDN) melalui Jabatan-jabatan Bandaran dan Jabatan-jabatan Daerah mengadakan Kempen Pembersihan Premis Pasar / Gerai / Tamu.

Di Daerah Tutong, Kempen Pembersihan Tamu Mingguan Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong dikendalikan bersama oleh agensi kerajaan, seperti Jabatan Bandaran, Jabatan Daerah Tutong dengan penglibatan daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) juga penjagaan.

Tamu Mingguan Kompleks Pasarneka dan Tamu Tutong yang beroperasi setiap Khamis dan Ahad ditutup sementara, bermula 19 Mac lalu, sebagai salah satu usaha membendung penularan wabak COVID-19 di negara ini.

Kempen berkenaan adalah inisiatif KHEDN dalam memastikan persekitaran yang bersih dan selamat.

Saranan daripada Kementerian Kesihatan menyeru supaya penjagaan kebersihan sepanjang masa dan menjadi sandaran untuk kemenp ini dilaksanakan.





## Penggunaan pengangkutan awam bantu kurangkan indeks pencemaran udara

**D**UNIA kian berkembang pesat termasuklah negara kita yang semakin menuju ke status negara maju. Namun demikian, penggunaan pengangkutan awam masih kurang mendapat sambutan oleh segerintir masyarakat. Perkhidmatan awam kini adalah lebih baik jika hendak dibandingkan satu dekad yang lalu. Pihak kerajaan telah mengambil tindakan yang sewajarnya dalam menambah baik mutu perkhidmatan pengangkutan awam. Jika diperhalusi, ada berbagai-bagai faedah yang kita peroleh apabila menggunakan pengangkutan awam. Sehubungan itu, Apa Pendapat Biskita juga menerima beberapa pandangan mengenai pengangkutan awam ini.

"Faedah utama pastinya dapat mengurangkan kesesakan lalu lintas yang sering menghantui jutaan penduduk di bandar-bandar besar. Hal ini bertambah runting lagi apabila tiba waktu puncak ketika pergi dan pulang daripada bekerja. Sekiranya orang ramai sepakat menggunakan perkhidmatan awam untuk ke tempat kerja, pastinya masalah kesesakan ini tidak berlaku. Sebagai contoh, semua orang menggunakan bas awam ke tempat kerja, maka jumlah kereta persendirian di atas jalan raya pastinya berkurangan. Selain itu, penggunaan pengangkutan awam juga pasti akan menjimatkan masa individu yang menggunakanannya."

Di samping itu, apabila kita menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam, kita dapat menjimatkan kos pengangkutan. Sebagai contoh, harga petrol yang tinggi dan juga bayaran parkir kenderaan pasti perlu ditanggung jika kita menggunakan kenderaan persendirian ke tempat kerja. Namun demikian, dengan kos yang rendah kita tidak perlu risau dengan kos petrol dan bayaran parkir berkenaan apabila menaiki kenderaan awam. Wang lebihan berkenaan boleh dibuat tabungan kerana sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit. Seterusnya, indeks pencemaran udara juga dapat dikurangkan jika kita sepakat untuk menggunakan pengangkutan awam untuk ke mana-mana destinasi. Hal ini tidak dapat dinafikan kerana apabila kenderaan di atas jalan raya semakin berkurangan, maka pelepasan gas karbon monoksida yang berbahaya kepada manusia turut berkurangan.

Kesannya, kita dapat mengurangkan pencemaran udara dan kesan rumah hijau sekali gus. Secara tidak langsung juga rakyat di negara kita dapat hidup dengan sihat dan sejahtera. Tambahan pula, penggunaan pengangkutan awam yang efisien turut mampu menarik minat pelancong asing untuk berkunjung ke negara kita. Justeru, pendapatan negara akan meningkat seiring dengan penambahan jumlah pelancong tersebut. Hal ini membolehkan pihak kerajaan merangka lebih banyak kemudahan dan prasarana untuk kegunaan rakyat tempatan. Oleh itu, penggunaan pengangkutan awam ini perlu digalakkan demi memastikan kelangsungan penggunaannya dalam masyarakat." - Azhar RH, BSB.

"Menempuh era pascaglobalisasi dan pascaperindustrian, kemajuan teknologi menunjukkan perubahan yang amat drastik bak cendawan tumbuh selepas hujan sejak kemerdekaan negara kita. Orang-orang dahulu terpaksa menempuh perjalanan yang sangat lama untuk pergi ke suatu tempat yang jauh kerana perlu berjalan kaki atau menggunakan sepeda. Namun, masyarakat kontemporari kini sangat bertuah kerana terdapat pelbagai jenis pengangkutan awam yang disediakan seperti bas awam, teksi, terkini Dart. Pengangkutan awam yang moden tercipta hasil inovasi dan perkembangan teknologi sejajar dengan arus pemodenan dunia."

Sesungguhnya, kesesakan lalu lintas dapat dikurangkan apabila masyarakat memilih untuk menggunakan pengangkutan awam. Pihak kerajaan perlulah meningkatkan taraf kemudahan pengangkutan awam agar lebih ramai orang berasa selesa untuk menggunakan pengangkutan awam. Kesimpulannya, kita mestilah sering menggunakan pengangkutan awam berbanding kenderaan persendirian untuk mengurangkan kesan-kesan buruk yang hanya akan menyusahkan kehidupan kita. Sesungguhnya, kemajuan dalam pengangguran alaf baharu perlulah disokong oleh rakyat kita supaya kualiti hidup kita dapat ditingkatkan dan negara dapat dibangunkan dengan memenuhi aspirasi negara menjelang Wawasan 2035." - Md. Shukri Haji Majid, Lugu.

"Pengangkutan awam turut terjejas akibat tindakan segerintir pekerja mereka seperti pemandu teksi dan pemandu bas yang tidak sopan ketika memandu. Sering kali masyarakat mengadu kecuaian pemandu pengangkutan awam di jalan raya yang dibuktikan dengan meningkatnya kemalangan yang melibatkan pengangkutan awam ini. Sikap tidak prihatin mereka ini telah memberi satu imej negatif kepada semua pekerja yang bekerja dalam sistem pengangkutan awam negara kerana seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit. Ada di antara mereka yang masih mengamalkan sikap ingin menjadi sang juara di jalan raya."

Hal ini bukan sahaja membahayakan penumpang kenderaan tersebut, malah pada masa yang sama turut membahayakan keselamatan pengguna jalan raya yang lain. Masalah pengangkutan awam di negara kita amat perlu diambil berat oleh pihak yang terbabit. Sekiranya perkara tersebut masih terus didiamkan tanpa sebarang tindakan, kita bimbang hasrat kerajaan untuk menjadikan pengangkutan awam sebagai salah satu pengangkutan utama di negara kita akan terkubur. Kesungguhan pihak kerajaan untuk mengambil langkah awal dalam menangani masalah ini amat ditagih dan pihak berwajib tidak harus bertindak hanya apabila itu menjadi tatapan masyarakat dalam media massa negara. Mungkin sudah sampai masanya kerajaan bertindak tegas dalam kemelut ini dan bukan bersikap sudah terhantuk baru terngadah". - Hajah Nurul Saadiah binti Sulaiman, BSB.

Pada pendapat saya sebagai penulis ruangan ini, pengangkutan awam penting dalam kehidupan manusia. Perkhidmatan pengangkutan awam yang baik membolehkan pengguna bergerak dari satu tempat ke satu tempat lain dengan mudah dan selesa. Di negara ini, terdapat beberapa jenis pengangkutan awam. Antara perkhidmatan pengangkutan awam yang popular ialah perkhidmatan bas dan teksi. Penggunaan pengangkutan awam di negara kita ini mendatangkan seribu satu faedah buat rakyat dan negara.

Oleh itu, semua pihak perlu berganding bahu bagi aur dengan tebing bagi memastikan kemudahan yang disediakan ini diselenggara dan dijaga dengan rapi untuk memastikan kelangsungan penggunaannya. Jika semua perkara ini tidak dipandang enteng, tidak mustahil negara kita mampu mencapai status negara maju menjelang tahun 2035 seperti yang dicita-citakan.

Biskita dialu-alukan menyumbangkan pendapat biskita dengan dua tajuk di bawah, sama ada menggunakan nama sebenar atau nama pena.

Sila e-melkan pendapat biskita ke :  
pelita.brunei@information.gov.bn

- i. Kerja Sambilan dan Pelajar : Keperluan atau Tuntutan
- ii. Langkah - Langkah Mengurangkan Masalah Jenayah

# Curi : Warga tempatan tidak mengaku bersalah

**Siaran Akbar :**  
**Pasukan Polis Diraja Brunei**

**KUALA BELAIT**, Khamis, 16 April. - Tindakan mencurigakan daripada seorang individu yang tidak dikenali segera menjadi perhatian seorang penghuni rumah apabila individu tersebut sedang asyik memilih pakaian dalam wanita yang dijemur di kawasan rumah.

Penghuni rumah tersebut bertindak segera memberkasnya setelah memerhatikan gerak-gerinya sejak dari awal perlakuan.

Insiden berkenaan berlaku pada 15 April lalu di kawasan rumah kediaman, di Pandan 1, Kuala

Belait melibatkan seorang lelaki, warga tempatan, bernama Mohd. Sharin bin Mohd. Johari, berumur 27 tahun dan tidak bekerja.

Balai Polis Kuala Belait, Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) segera ke tempat kejadian sejurus menerima panggilan berhubung penahanan suspek yang dipercayai cuba untuk melakukan perbuatan curi.

Semasa siasatan dijalankan, turut ditemukan ialah beberapa helai pakaian, pakaian dalam juga tudung wanita yang dipercayai diperoleh daripada perbuatan curi di beberapa kediaman di kawasan

tersebut.

Suspek dihadapkan ke Mahkamah Majistret, Bandar Seri Begawan atas pertuduhan di bawah Seksyen 379 Kanun Hukuman Jenayah Penggal 22, iaitu Curi.

Hasil daripada perbicaraan, tertuduh tidak mengaku bersalah dan pihak mahkamah menetapkan bagi sebutan kes selanjutnya pada bulan Mei yang akan datang.

PPDB amat tegas dan tidak akan teragak-agak dalam melaksanakan undang-undang yang diperuntukkan bagi berusaha memastikan penduduk di negara ini sentiasa dalam keadaan aman dan sejahtera dari apa jua anasir-anasir negatif berbentuk jenayah.



## MAKLUMAN PEMBAYARAN PENCEN PERKHIDMATAN/PENCEN TURUNAN (BALU DAN TANGGUNGAN) MELALUI BANK

**1 MUAT TURUN & ISI BORANG YANG  
DIPEROLEHI DARI [WWW.MOFE.GOV.BN](http://WWW.MOFE.GOV.BN)**

**2 IMBAS (SCAN) ATAU GAMBAR DOKUMEN:** **BORANG**  
 **KAD PINTAR**  
 **NOMBOR AKAUN BANK**

**3 HADAPKAN MELALUI APPLIKASI  
WHATSAPP ATAU E-MEL:**



**7373222**



**PENCEN@TREASURY.GOV.BN**

Oleh : Bolhassan Haji Abu Bakar  
Foto : Ihsan Eco Ponies Garden



**Kenali  
Negara  
Kitani**

## Kampung Bang Nukat : Menghirup udara segar di Eco Ponies Garden

**D**I KELILINGI kebun buah-buahan, sayur-sayuran dan herba-herba, Eco Ponies Garden yang terletak di Kampung Bang Nukat, Lamunin, Daerah Tutong jelas memperlihatkan suasana perkampungan yang begitu indah dan dekat dengan alam semula jadi.

Eco Ponies Garden yang diusahakan oleh keluarga Eyun Uko, 47, mula beroperasi pada bulan September 2015, awalnya bermula daripada sebuah kotej kecil yang dibina pada bulan Disember 2014 atas rasa kasih kepada ibu beliau sebagai tempat berasah selepas berkebun. Idea asalnya juga adalah untuk taman pertanian bagi kanak-kanak.

Menurut Eyun, pada bulan Jun 2016, Eco Ponies Garden bekerjasama dengan Puan Siti Kaprawi dari Astera Consultant untuk Projek Cabaran Masakan Eko Kampung. Bermula daripada projek ini, mereka bekerjasama dengan cef selebriti dari Malaysia, Dr. Shahrin Karim dan Pengasas I Cook Asia.

Katanya, projek tersebut menemukan mereka dengan pelbagai golongan komuniti dan mula bekerjasama dengan mereka seperti mengambil sumber-sumber hutan seperti herba-herba digunakan dalam masakan komuniti kampung.

Pada tahun 2017, beliau menjelaskan, mereka bekerjasama dengan sekumpulan penuntut dari jurusan pelancongan dan pengembawaan sebagai tugas terakhir

melalui Projek Dari Ladang Ke Meja (Farm to Table).

"Bermula dari sinilah, kami menerima pelawat-pelawat daripada pelbagai negara, seperti negara-negara dari benua Eropah antaranya Itali, Poland, Canary Island Estonia dan lain-lainnya. Pada tahun 2018 hingga 2019, kami menerima pelawat-pelawat dari dalam negara secara berkumpulan iaitu setiap lawatan seramai 15 hingga 60 orang," ujar beliau.

Eco Ponies Garden juga menerima penuntut-penuntut antarabangsa melalui kerjasama dengan UBD Global Department serta turut mengajurkan beberapa acara seperti Postcard From Local Farmers, Eko Brunei Gastronomy Day dengan bekerjasama Persatuan Cef Indonesia (ICA).

Melalui Projek Pasar Tani (Farmer Market), Eco Ponies Garden menggalakkan komuniti pengusaha *home based* daripada pelbagai kampung untuk menjual hasil pertanian mereka dan juga menggalakkan pengusaha makanan serta pengusaha-pengusaha inap desa (*homestay*) untuk menyertai projek tersebut dan sebagai salah satu cara untuk mempromosi produk-produk keluaran mereka.

Selain itu, Eco Ponies Garden juga sebagai platform untuk golongan belia di kampung tersebut dan kampung-kampung sekitarnya menimba pengalaman dalam bidang hospitaliti, makanan dan kemahiran bertukang.

Pada awal tahun 2019, Eco Ponies Garden menerima kunjungan daripada para pengembara beg galas (*backpackers*) daripada pelbagai negara melalui website *workaway*.

"Sepanjang tahun itu, Eco Ponies Garden menerima seramai 34 pengembara beg galas yang membantu kami di taman ini, seperti membina rumah dari tanah liat, membuat oven dari tanah liat, membina pondok. Mereka bekerjasama dengan para belia yang membantu kami di sini," tambah Eyun.

Setelah beroperasi selama lima tahun, Eco Ponies Garden dapat bekerjasama dengan *react.com* melalui Projek Farmer Market / Think Food Sempena Minggu Gastronomi 2020. Acara itu disertai oleh komuniti pengusaha dari Daerah Tutong, Daerah Brunei dan Muara dan Daerah Belait.

Sehingga kini, lebih 5,000 orang pengunjung dari dalam dan luar negara telah melawat ke taman tersebut.

Menariknya, para pengunjung pasti meninggalkan sesuatu untuk taman ini. Mereka ikut membina, berkebun, menanam, meninggalkan kata-kata yang penuh inspirasi sekitar taman dan sebagainya dalam mengindahkan lagi pemandangan sekitar taman sehinggalah kemudiannya terinspirasi untuk membina ruang tamu yang terbuka, pentas kecil, kotej dan sebagainya.

"Beginilah Eco Ponies Garden kian berkembang, di mana pada hujung jari

sahaja, mereka boleh mengakses maklumat mengenai taman ini dan tempat-tempat lain yang menarik sekitar Brunei. Kami bersyukur dari bermulanya taman ini tidak mempunyai apa-apa, kini kian berkembang dan dikenali".

Daripada sebuah kotej kecil, perahu yang terayun-ayun di bawah pokok, dapur dan ruang tamu yang terbuka, serta balkoni, semuanya dibina dengan kayu dan beratapkan zink. Angin yang meniup pada waktu petang menjadi ceria dan dapat menghiburkan hati yang ingin mencari ketenangan dengan menghirup udara segar sekitar taman.

Eco Ponies Garden juga mempunyai aktiviti khas untuk para pengunjung, antaranya aktiviti pembangunan berkumpulan, penyediaan makanan dan masakan, kerja-kerja komuniti, program lawatan yang akan dikendalikan oleh orang kampung dan sebagainya.

Selain itu, Eco Ponies Garden juga berharap untuk meneruskan mempromosikan budaya Brunei melalui makanan, memperluaskan penglibatan komuniti, mengajurkan tamu jualan sekitar taman untuk memberikan sokongan kepada petani-petani tempatan, membina rumah persinggahan dengan konsep pondok atau rumah kayu dan memperbanyak hasil tanaman, di mana pengunjung atau penginap dapat memetiknya secara terus dalam keadaan segar.



# Ubat antiviral remdesivir telah digunakan untuk rawat COVID-19 – Dr. Noor Hisham

PUTRAJAYA, 17 April. - Ubat antiviral Remdesivir telah digunakan untuk merawat pesakit COVID-19 di negara ini, kata Ketua Pengarah Kesihatan Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah.

Beliau berkata ketika ini pihaknya masih memantau hasil penggunaan ubat antiviral itu dan

masih terlalu awal untuk dikongsikan hasilnya.

"Apa yang pasti ubat itu dan juga ubat-ubat yang lain, kita tidak mempunyai masalah... daripada segi stok pula semua mencukupi untuk merawat pesakit," katanya ketika sidang media harian COVID-19 di sini, hari ini.

Dr. Noor Hisham sebelum ini dilaporkan berkata ubat seperti Klorokuin, Hidroksiklorokuin dan kombinasi Lopinavir / Ritonavir digunakan untuk merawat virus pandemik itu.

Merujuk kepada kit ujian pantas antigen dari Korea Selatan, Dr. Noor Hisham berkata kosnya kurang daripada RM50 tiap satu kit

ujian, tapi Kementerian Kesihatan Malaysia masih sedang berbincang untuk mendapatkan harga yang rendah.

Disebabkan jumlah yang banyak diperlukan, katanya beliau menjangka pihak pembekal akan membekalkan kit ujian pada harga yang lebih murah di masa hadapan.



Semalam Dr. Noor Hisham dilaporkan berkata KKM telah menemui kit ujian antigen dari Korea Selatan dengan kadar sensitiviti 84.4 peratus bagi membantu meningkatkan ujian COVID-19 dalam negara. -- BERNAMA

## Lebih 600 penduduk Kampung Baru jalani ujian saringan wajib COVID-19 hari pertama



KUALA LUMPUR, 17 April. - Sebahagian penduduk di Kampung Baru beratur menunggu giliran untuk melakukan pemeriksaan saringan COVID-19 di Sekolah Rendah Agama Jalan Raja Muda Musa hari ini. ©BERNAMA

KUALA LUMPUR, 17 April. - Lebih 600 penduduk Kampung Baru di sini menjalani ujian saringan COVID-19 sesi pertama hari ini berikutan kawasan itu diwartakan sebagai zon merah.

Ini merupakan hasil kejayaan hebatnya efektif Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk tampil pada hari pertama ujian saringan itu di Sekolah Rendah Agama Jalan Raja Muda Musa seterusnya empat lagi sesi ujian saringan itu sehingga 21 April ini.

Setiausaha Kehormat merangkap Pemangku Naib Yang Dipertua Lembaga Pentadbiran Penempatan Pertanian Melayu (MAS) Shamsuri Suradi berkata ujian itu merupakan tindakan

wajib setiap penduduk yang berada dalam kawasan Kampung Baru untuk tampil ke menjalani ujian saringan bagi tujuan pengesanan awal pandemik COVID-19.

"Ini terbukti apabila jumlah ini mengatasi sasaran iaitu 400 orang bagi hari pertama. Ujian saringan dilakukan berikutkan kawasan Kampung Baru merupakan kawasan berdekatan dengan Selangor dan Malayan Mansion," katanya ketika ditemui Bernama.

Menurut Shamsuri, penduduk diwajibkan membuat ujian namun pesakit kronik dan pesakit tidak boleh bergerak adalah dikecualikan. Ujian saringan bermula 9 pagi itu berakhir pada jam 2 petang itu diketuai oleh

Pegawai Perubatan Dr. Suliana Mohamad Shuib dan Dr. Aida Azlan dengan dibantu 30 petugas kesihatan KKM.

Rosni Karamah, 56, yang datang bersama enam orang anaknya berkata dia tidak mengambil masa yang lama untuk menjalani saringan itu iaitu 30 minit dan memuji usaha KKM itu.

Pekerja pentadbiran, Nor Khamisah Ahmad, 27, berkata beliau mendapat maklumat mengenai ujian saringan itu melalui aplikasi WhatsApp apabila dihubungi ketua kampung kawasan itu.

"Saringan ini penting kerana kawasan ini berhampiran dengan kawasan yang diwartakan dengan PKPD (Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan) yang ada banyak kes positif, saya lega kerana adanya proses saringan secara percuma ini, harapnya saya tiada apa-apa masalah," katanya yang berasal dari Perak.

Bagi warga emas, Shamsuri Nursham, 59, beliau menyifatkan hebatnya KKM secara berkesan banyak membantu penduduk mengetahui keperluan untuk mereka disaring dan wujudnya saluran cepat untuk warga emas tanpa perlu beratur juga memudahkan beliau dan isterinya membuat saringan itu.

"Apa yang KKM lakukan ini langkah yang baik, tidak semua kami warga emas tahu mengenai tahap serius COVID-19 di kawasan kami jika tiada hebatnya begini," katanya yang diberi notis supaya dikuarantin di rumah selama 14 hari sementara menunggu keputusan ujian saringan. -- BERNAMA

## PKP: Empat warga asing didenda RM1,000 keluar gunting rambut

KUALA LUMPUR, 17 April. - Gara-gara mahu memotong rambut di sebuah kedai gunting rambut, semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa dua, empat lelaki warga India dan Myanmar masing-masing didenda maksimum RM1,000 oleh Mahkamah Majistret Selayang hari ini.

Majistret Nur Hafizah Rajuni menjatuhkan hukuman itu ke atas Nur Salam Nur Alam, 22, Roka Dhaniram, 23, Shankaralingam Prabaharan, 36, dan Thanga Raja, 33, selaku Orang Kena Saman (OKS) selepas masing-masing mengaku bersalah atas pertuduhan yang dibacakan juruhasa terhadap mereka.

Mahkamah memerintahkan mereka menjalani hukuman

penjara tiga bulan, sekiranya gagal membayar denda itu.

Mereka didakwa bersama-sama dengan sengaja telah berhimpun dalam kawasan tempat jangkitan tanpa alasan munasabah yang mengkehendaki mereka berada di dalam rumah di bawah Peraturan-Peraturan Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit (Langkah-Langkah Di Dalam Kawasan Tempatan Jangkitan) (No.2) 2020 di Kedai Barbershop Hair Cut & Shave di jalan besar Selayang Baru, Batu Caves, Gombak di sini pada 2.40 petang, 11 April lepas.

Mereka ditutuh mengikut Peraturan 6(1) peraturan sama dan boleh dihukum di bawah Peraturan 11 peraturan serupa yang memperuntukkan hukuman denda

maksimum RM1,000 atau penjara maksimum enam bulan atau kedua-duanya.

Berdasarkan fakta kes, pada hari kejadian pihak polis telah membuat pemantauan Ops COVID-19 di sekitar kawasan itu dan mendapat sebuah kedai gunting rambut sedang beroperasi dan polis kemudiannya menahan semua OKS kerana berada di situ.

Terdahulu, Timbalan Pendakwa Raya Nur Shasha Hidayah Nor Azahar memohon hukuman setimpal berbentuk pengajaran terhadap semua OKS.

"PKP dilaksanakan kerajaan adalah untuk memastikan wabak COVID-19 dapat dibendung dan rakyat duduk di rumah serta tidak boleh keluar rumah tanpa alasan munasabah.

BOGOTA, 17 April. - Presiden Brazil Jair Bolsonaro memecat Menteri Kesihatan Luiz Henrique Mandetta, berikutan pertikaian mengenai langkah pencegahan berhubung pandemik COVID-19, lapor agensi berita Anadolu.

Kedua-duanya, sejak beberapa minggu lalu sering berbalah mengenai langkah isolasi yang perlu diambil negara itu. "Saya baru dimaklumkan Presiden Jair Bolsonaro mengenai pemecatan saya dari Kementerian Kesihatan. Saya berterima kasih atas peluang yang diberikan," kata Mandetta pada Khamis.

Tindakan itu bukanlah satu kejutan kepada rakyat Brazil yang sering melihat kedua-dua pemimpin itu bertikam lidah.

Mandetta tegas dengan pendiriannya untuk mengenakan isolasi sosial

lebih meluas tetapi dibantah Bolsonaro, yang menyifatkan wabak menular tidak seimbang dan langkah itu tidak perlu serta menjelaskan ekonomi.

Keputusan memecat Mandetta boleh mengakibatkan Brazil berdepan risiko kesihatan dan politik yang sangat besar, kerana negara ini dijangka memasuki puncak penularan wabak dalam beberapa hari lagi.

Sehingga petang Khamis, Brazil melaporkan 30,425 kes COVID-19 dan 1,924 kematian, menurut Johns Hopkins University. -- BERNAMA

"Tambahan pula, kedai gunting rambut bukan perkhidmatan yang penting dan tiada keperluan untuk dibuka," katanya.

Bagaimanapun, peguam M. Mariappan dari Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) yang mewakili semua

OKS memohon hukuman denda minimum kerana mereka telah menyesal atas perbuatan itu.

"Mereka berada di kedai gunting pada 2.00 petang untuk memotong rambut dan mereka juga tidak akan mengulangi kesalahan sama," katanya. -- BERNAMA

# Sumbangan lambang hubungan dua negara kukuh

Oleh : Khartini Hamir

Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 16 April. - Pihak Kerajaan Guangxi Zhuang Autonomous Region, Republik Rakyat China menyumbang sebanyak 10,000 keping N95 Surgical Face Mask, 10,000 keping Disposable Surgeon Face Mask, 1,000 helai Disposable Isolation Gown, 1,000 alat pelindung mata, 500 helai Jupiter Suit dan 250 alat Non-contact Forehead Thermometer yang akan digunakan oleh Kementerian Kesihatan dalam usaha-usaha menangani penularan jangkitan wabak COVID-19 di negara ini.

Sumbangan ini melambangkan sokongan pihak berkenaan kepada Negara Brunei Darussalam (NBD) dan bagi mengeratkan lagi kerjasama di bawah Brunei Guangxi Economic Corridor (BGEC), di mana tumpuan utama BGEC adalah terhadap pembangunan kerjasama di antara Republik Rakyat China dan NBD dalam bidang pelaburan, perdagangan, perkhidmatan dan teknologi infokomunikasi (ICT) secara khusus dan pengukuhan perhubungan am di antara rakyat Republik Rakyat China dan NBD.

Dalam Majlis Penyerahan yang diadakan di Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi pagi tadi, sumbangan peralatan

berkenaan disampaikan oleh Duta Besar Republik Rakyat China, Puan Yang Terutama Yu Hong, bagi mewakili pihak Kerajaan Guangxi Zhuang Autonomous Region kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, yang merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak berkenaan di atas sumbangan mereka.

Seterusnya, peralatan berkenaan diserahkan kepada pihak Kementerian Kesihatan, dan menerima bagi pihak Kementerian Kesihatan ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Md. Isham bin Haji Jaafar.

Dengan penubuhannya pada September 2014, BGEC membentuk hubungan rangkaian bekalan di antara NBD dan Republik Rakyat China bersama dengan negara-negara lain di rantau ASEAN.

Dari platform ini, terdapat beberapa buah projek pelaburan yang dijana antaranya ialah Syarikat Hiseaton Fisheries (B) Sdn. Bhd. terlibat dalam penetasan, pembiakan, pemprosesan dan pemasaran Golden Pompano, Grouper & Barramundi;

YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II menerima sumbangan dari Kerajaan Guangxi Zhuang Autonomous Region, Republik Rakyat China dalam usaha menangani penularan wabak COVID-19, yang disampaikan oleh Duta Besar Republik Rakyat China ke negara ini, Puan Yang Terutama Yu Hong.



Syarikat Lautan Timur Produk Sdn. Bhd., yang mana pelaburan ini akan melibatkan perusahaan penetasan benih, proses pembesaran dan juga pembinaan kilang pemprosesan Tiram (Oyster); Syarikat Guangxi Ruian Logistics (Group) Co. Ltd. bagi penubuhan kilang pemprosesan rempah dan perniagaan (*trading*) di Rakyat Republik China untuk pemprosesan lanjut (*further processing*) di NBD; dan Syarikat Muara Port Company (MPC) Sdn. Bhd. iaitu sebuah syarikat usaha sama di antara

Darussalam Assets Sdn. Bhd. dengan Beibu Gulf Holding (Hong Kong) Co. Ltd., yang sejak mengambil alih Terminal Kontena Muara pada 21 Februari 2017 yang mencapai peningkatan dalam perkhidmatan yang diberikan kepada para pelanggan, khususnya syarikat-syarikat perkapalan dan terus giat untuk menjadikan Pelabuhan Muara berdaya saing di peringkat pelabuhan antarabangsa dan *sub-regional* termasuk BIMP-EAGA.

## 54 komputer riba disumbangkan



YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi menerima sumbangan komputer riba dari Syarikat Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. yang disampaikan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat tersebut, Dayang Sharidatul Maryani binti Haji Md. Saidin.

**BERAKAS**, Khamis, 16 April. - Dalam menyokong keperluan pembelajaran para pelajar yang berkeperluan khas, sebanyak 54 buah komputer riba disumbangkan oleh Syarikat Brunei Methanol Company Sdn. Bhd. pada majlis yang diadakan di Ruang Legar, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), di sini.

Sumbangan daripada syarikat tersebut diserahkan oleh Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif syarikat tersebut, Dayang Sharidatul Maryani binti Haji Md. Saidin, dan menyerahkan keperluan tersebut kepada Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Abdul Mutalib bin Pehin Orang

Kaya Seri Setia Dato Paduka Haji Mohammad Yusof dan menyerahkannya kepada Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Dr. Shamsiah Zuraini Kanchanawati binti Haji Tajuddin.

Sementara itu, sebanyak 41 buah lagi komputer riba merupakan sumbangan daripada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Antara yang hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Ir. Awang Haji Mohammad Nazri bin Haji Mohammad Yusof; Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Awang Haji Hairul Mohammad Daud bin Haji Abdul Karim, Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Pengiran Haji Mohd. Zain bin Pengiran Haji Abdul Razak; Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif AITI, Ir. Awang Haji Jailani bin Haji Buntar, serta pegawai-pegawai kanan daripada Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Kementerian Pendidikan dan Syarikat Brunei Methanol Company Sdn. Bhd.

Komputer-komputer riba

Berita dan Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi

sumbangan tersebut akan diserahkan sehingga 14 Mei 2020, manakala bagi orang ramai yang berhajat untuk menyumbangkan peralatan ICT bagi kegunaan pelajar-pelajar yang memerlukan, bolehlah berbuat demikian di Blok A, IBTE Kampus Sultan Saiful Rijal atau IBTE Kampus Jefri Bolkiah pada Isnin hingga Khamis, dan Sabtu bermula jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan pada 2.00

petang hingga 4.00 petang. Sementara itu, semasa bulan Ramadan kelak, ia akan bermula dari jam 8.30 pagi hingga 1.30 petang.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut mengenainya, orang ramai bolehlah menghubungi talian +673 7362955 / +673 7410106 / +673 7410107 / +673 7410108 pada waktu pejabat sahaja atau melalui e-mel [info@aiti.gov.bn](mailto:info@aiti.gov.bn).

## Tahukah Awda

**B**AGI memastikan pengagihan Kurma Kurnia Peribadi Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan kerabat baginda diterima oleh semua lapisan penduduk Islam di negara ini, pendaftaran secara online adalah digalakkan dengan mendaftar terlebih dahulu ke portal rasmi, [www.kurma.org.bn](http://www.kurma.org.bn) untuk membantu pengurusan lebih efisien dan membolehkan pengumpulan data maklumat bagi mempertingkatkan proses pengagihan kurma pada tahun-tahun hadapan. Usaha dan mekanisme pihak Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ini adalah untuk memudahkan pengagihan kepada orang ramai di samping mengelakkan penerimaan duplikasi.

SUMBER : Pelita Brunei, Isnin, 6 April 2020.

BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : [www.pelitabrunei.gov.bn](http://www.pelitabrunei.gov.bn)

KEKALKAN KESIHATAN TUBUH BADAN, CEGAH PENYAKIT BERJANGKIT

دربیتکن اوله جباتن قراغن، جباتن قردان منtri دان چیتیق اوله جباتن قرچیتمن کراجان، نگارا بروني دار السلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam